



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Tuan Kumaran a/l Karunakaran [Ruangan 3237]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 3237]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 3237]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 3238]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 3238]

USUL:

Merakamkan Perasaan Dukacita di atas Kematian Y.B. Tan Sri V. Manickavasagam dan Menyampaikan Ucapan Takziah kepada Keluarganya [Ruangan 3239]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3249]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 [Ruangan 3275]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- ” JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- ” TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- ” TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.P. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- ” DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- ” DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).

- Yang Berhormat PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
 „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
 „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
 „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
 „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
 „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
 „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
 „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
 „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
 „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
 „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
 „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
 „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
 „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
 „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
 „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
 „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
 „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
 „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
 „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
 „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
 „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
 „ DATUK MOHD. TAHIR BIN AEDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
 „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
 „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
 „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
 „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
 „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
 „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
 „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
 „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
 „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
 „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

- Yang Berhormat TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 10hb Disember, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Kumaran a/l Karunakaran

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

Mengalu-alukan Ahli Baru

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli baru yang telah mengangkat Sumpah dalam Dewan ini sebentar tadi dan berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

Memperkenalkan Akta-akta

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu.

Akta-akta tersebut ialah:

- (1) Akta Acara Kewangan (Pindaan) 1979;
- (2) Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1979;
- (3) Akta Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan) 1979;
- (4) Akta Hakcipta (Pindaan) 1979;
- (5) Akta Perbadanan Kemajuan Kraf-tangan Malaysia 1979;

(6) Akta Pencen Khas (Raja Permaisuri Agong) 1979;

(7) Akta Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) 1979;

(8) Akta Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2) 1979;

(9) Akta Peruntukan Diraja (Pindaan) 1979;

(10) Akta Insurans (Pindaan) 1979;

(11) Akta Akitek (Pindaan) 1979;

(12) Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1979;

(13) Akta Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) 1979; dan

(14) Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) 1979.

Perutusan daripada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"5hb. Disember, 1979.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (1) Rang Undang-undang Perbekalan 1980.

Tandatangan:

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT".

URUSAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang

Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini (di bawah Peraturan Mesyuarat 66 (2)):

(1) Rang Undang-undang Perkekalan 1980.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

USUL

MERAKAMKAN PERASAAN DUKACITA DI ATAS KEMATIAN Y.B. TAN SRI V. MANICKAVASAGAM DAN MENYAMPAIKAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGANYA

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengemukakan suatu usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam, Menteri Pengangkutan pada hari Jumaat, 12hb. Oktober, 1979 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 12hb Oktober, 1979 negara kita telah kehilangan seorang lagi negarawan. Seperti kita semua maklum mendiang Tan Sri V. Manickavasagam adalah seorang pemimpin yang gigih, dedikasi dan telah menyumbangkan tenaganya kepada bangsa dan negara tanpa menghiraukan penat lelah. Kematiannya mengejutkan kita semua memandangkan kenyataan-kenyataan bahawa beliau sihat setelah menjalani rawatan di luar negeri.

Kalau dilihat kembali semasa hayat beliau, memanglah tidak dapat dinafikan mendiang itu seorang veteran dalam politik tanahair. Beliau menjadi Menteri sejak tahun 1964 sebagai Menteri Buruh dan berakhir sebagai Menteri Pengangkutan. Sebagai Ahli Parlimen pula beliau telah dipilih pada tahun 1959 dan hingga kematiannya pada 12hb. Oktober, 1979 itu, telah mencapai masa selama 20 tahun. Ini satu rekod perkhidmatan yang jarang didapatkan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai teman semasa dalam Jumaah Menteri, ternyata beliau memiliki sifat kesabaran dan baik budi bicaranya serta bertimbang rasa. Tidaklah heran lagi, kita dengar kata-kata sanjungan dan pujian yang diberikan kepada mendiang itu semasa hayatnya dan selepas kematian-

nya. Sebagai Ahli Dewan yang baik dan bertanggungjawab dan seterusnya seorang Menteri, tanggungjawab beliau adalah berat kerana dari semasa kesemasa timbul masalah-masalah besar. Beliau gigih menghadapinya.

Jasa mendiang Tan Sri banyak dan menjadi kenangan kita semua. Kepada keluarganya saya berharap lebih bersabar di atas kehilangan itu dan mengenang mendiang Tan Sri sebagai tokoh negara yang telah menabur baktinya kepada negara. Semoga jasa baktinya itu akan bersemarak menjadi contoh dan tauladan kepada kita semua dan seterusnya rakyat negara ini. Seperti kata pepatah Melayu "Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama".

Tuan Yang di-Pertua, bagi diri saya sendiri sebagai teman mendiang dalam Jumaah Menteri dan seterusnya seperti rakan-rakan lain saya merasakan kehilangan mendiang Tan Sri V. Manickavasagam. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk menghormatinya saya mohon mencadangkan usul ini.

2.43ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan perasaan yang sangat sedih hati berdiri bagi pihak parti MCA untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh Menteri Tak Berportfolio, Yang Berhormat Dato Haji Mohamed bin Nasir yang menyatakan:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam, Menteri Pengangkutan pada 12hb Oktober, 1979 untuk menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sebagai satu tragedi yang saya menyampaikan simpati ikhlas hati bagi seluruh rakyat Malaysia keturunan India yang dalam tempoh 6 bulan sahaja telah megalami kehilangan 2 orang tokoh yang terpenting iaitu Yang Amat Berbahagia Tun Dr V. T. Sambanthan dan Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam.

Tuan Yang di-Pertua, kepergian Yang Berhormat Tan Sri Manickavasagam baru-baru ini boleh dikatakan satu kerugian yang tidak ada taksiran bagi negara kita. Parti-parti komponen Barisan Nasional tentu terasakan telah kehilangan seorang kawan seperjuangan yang rapat yang susah diganti.

Tuan Yang di-Pertua, telah saya mengatakan di Dewan yang mulia ini pada masa yang lepas satu kata bersifat yang berbunyi:

“Adalah dua jenis kematian manusia; kematian yang lebih ringan daripada bulu dan kematian yang lebih berat daripada gunung”.

Mendiang Tan Sri V. Manickavasagam seorang berdedikasi dan dengan sifat yang ramah-tamah tetapi teguh prinsipnya telah mengorbankan sebahagian besar masa sepanjang umurnya untuk kepentingan negara hingga meninggal masih berjawatan Menteri Pengangkutan. Ini sesungguhnya satu kematian yang ditakdirkan dan nama mendiang itu pasti akan dapat ditempatkan dalam buku sejarah pembangunan nasional Malaysia selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, kami berdoa mudah-mudahan Tuhan akan cucuri rahmat ke atas roh mendiang itu dan dengan kesedihan yang amat sangat, saya sekali lagi menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, Dato Haji Mohamed bin Nasir tadi.

2.46 ptg.

Tuan M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan perasaan yang amat sedih menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio tadi untuk mengucapkan perasaan Dewan ini di atas kematian Yang Berhormat Tan Sri Dato V. Manickavasagam.

Yang Berhormat Tan Sri Dato V. Manickavasagam pada masa hayatnya telah hidup sebagai seorang negarawan yang sebenar. Sepanjang umur dewasanya telah dikorbankan kepada kemunculan satu negara yang merdeka dan yang memberi kepada semua keturunan dan lapisan rakyat Malaysia kehidupan yang selesa, mewah dan bersatu-padu.

Sejak tahun 1946 beliau telah menyertai dalam bidang politik. Beliau adalah salah seorang yang telah pada bulan Ogos 1946 bersama-sama menubuhkan parti Malaysian Indian Congress yang beliau sendiri telah menjadi Presidennya pada masa beliau meninggal pada 12hb Oktober tahun ini. Tempoh masa 30 tahun ini beliau telah mengorbankan kepada parti MIC yang ditubuhnya dan kepada negara yang dikasihinya. Beliau telah memasuki bidang politik negeri Selangor sebagai seorang Ahli Dewan

Undangan Negeri dan Ahli Exco dalam pilihanraya yang pertama pada tahun 1955 apabila berumur 29 tahun sahaja. Pada masa itu juga beliau telah menyandang jawatan Naib Presiden MIC Kebangsaan, satu jawatan yang telah dipegangnya hingga beliau mewarisi jawatan Presiden MIC selepas mendiang Yang Berhormat Tun V. T. Sambanthan pada bulan Januari, 1973.

Kemasukan beliau dalam politik peringkat Federal ialah pada tahun 1959 apabila beliau dipilih sebagai Ahli Parlimen di kawasan Kelang. Rakyat kawasan ini telah memilihnya ke Parlimen selama 20 tahun terus menerus sehingga beliau meninggal dunia pada bulan Oktober tahun ini. Ini sahaja adalah satu bukti kebolehannya dan kesangguaannya berkhidmat secara cemerlang kepada rakyat. Ini juga saya rasa menjadi satu rekod dalam sejarah Parlimen kita. Perkhidmatannya kepada Kerajaan Persekutuan telah mula pada bulan Disember tahun 1959 apabila Perdana Menteri pada masa itu Yang Teramat mulia Tunku melantik beliau menjadi Timbalan Menteri Buruh. Beliau telah di Kementerian Buruh hingga tahun 1974, sebagai Menteri Kabinet sejak tahun 1964. Di situ juga beliau telah mencipta satu lagi rekod dengan berkhidmat selama 14 tahun di Kementerian itu.

Pada masa itu beliau telah mengemukakan beberapa Akta-akta Buruh termasuk SOCSO, Akta Perhubungan Perusahaan, Akta Kilang dan Jentera dan lain-lain yang masih berkuasa pada masa ini dalam rupa yang sama. Kemudian pula beliau dilantik ke Kementerian Pengangkutan di mana beliau telah memberi pimpinan kepada perkembangan MAS, kapal terbang Kebangsaan kita dan Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang sebelum itu sentiasa mengalami kerugian yang besar. Perkembangan pesat dalam kemudahan lapangan terbang di seluruh negara dan pelabuhan-pelabuhan juga berlaku pada masa itu.

Mendiang Tan Sri Manickavasagam adalah seorang Menteri yang tunggal yang telah berkhidmat di bawah tiga Perdana Menteri di negara kita bermula dengan Yang Teramat Mulia Tengku kemudian dengan Allahyarham Tun Abdul Razak dan pada akhirnya dengan Perdana Menteri sekarang Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn. Beliau juga pada masa kematiannya adalah seorang Menteri yang tunggal dalam Kabinet yang telah juga memasukkan peranan yang penting dalam perjuangan Kemerdekaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kematian Tan Sri Manickavasagam berakhirlah satu bab dalam sejarah negara Malaysia kita. Kita di Dewan ini telah beberapa kali mendengar ucapan-ucapan dan jawapan-jawapan beliau. Saudara-saudara Yang Berhormat mesti ingat sedikit jasa beliau dalam segala ini yang telah sentiasa memberi kehormatan yang tinggi ke Dewan ini. Beliau tidak sekali-kali mengabaikan permintaan kita untuk penjelasan yang cukup. Di dalam dan di luar Dewan beliau telah menjadi seorang yang dihormati sangat dan disukai oleh semua. Jasa-jasa beliau kepada MIC salah sebuah parti komponen penting PERIKATAN dahulu dan Barisan Nasional kemudian yang telah memegang teras Kerajaan sejak kita Merdeka adalah satu yang amat luas, bermakna dan berhasil khususnya sejak beliau menjadi President pada tahun 1973 beliau telah berjaya mendapatkan sokongan hampir sebulat suara daripada masyarakat keturunan India kepada MIC dan Kerajaan. Ini dilakukan dengan pimpinan yang jujur dan dedikasi penuh. Beliau telah percaya sepenuhnya bahawa politik adalah satu alat penting untuk kebajikan rakyat dan bukan satu bidang pertikaian dan percakapan.

Dengan fahaman itu beliau telah melabur beberapa usaha untuk mewujudkan satu scholarship fund untuk murid-murid yang kurang bernasib baik sebuah koperasi bernama NESA yang sekarang ini mempunyai harta lebih daripada \$15 juta dan 20,000 ahli dan juga badan MIC Yunit Trust yang dalam tabung pertamanya mempunyai saham berjumlah hampir \$5 juta. Projek perumahan sendiri untuk pekerja-pekerja ladang dan lombong yang menjadi tumpuan harapan lebih kurang 300,000 keluarga pekerja adalah mimpi dan idea beliau juga. Beliau telah merangkakannya sebagai tanda balas budi negara kepada satu golongan masyarakat Malaysia yang telah sangat-sangat berkorban dan berusaha terhadap kemajuan negara Malaysia kita. Segala ini adalah menunjukkan dengan jelasnya bahawa mendiang Tan Sri kita ini telah hidup dan berjasa sebagai seorang Malaysian sebenar dan seorang negarawan yang terkenal. Kematianannya apabila berusia 50 tahun sahaja adalah satu kerugian yang amat besar kepada negara, Parlimen dan MIC.

Marilah kita bersama-sama berikhtiar menghidupkan jasa-jasanya dan negarawan sepertinya akan menjadi satu sumber semangat dan galakan kepada kita yang masih

ada dan jenerasi yang akan datang. Hanya itulah akan menjadi kenangan kita kepada negarawan seperti mendiang Tan Sri Manickavasagam.

Kepada keluarganya kita berharap mereka dapat bersabar dan megah dalam kenangan bahawa negara pada amnya adalah bersama mereka mengenang Tan Sri Manickavasagam.

2.55 ptg.

Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana memberi saya peluang bercakap sepatah dua kata bagi pihak kaum minoriti.

Mendiang Tan Sri Manickavasagam semasa hayatnya adalah seorang yang affable, friendly, hospitable and a willing listener with a sense of humour tetapi apabila beliau menghadapi apa-apa masalah walaupun kesihatannya semakin merosot and so to him, life was one long process of getting tired. Walau bagaimanapun beliau menjalankan tugasnya sehingga akhir hayatnya, soon is not death but the dying that alarms us. Kematianannya yang tidak disangka-sangka itu adalah kehilangan yang sangat besar bukan sahaja kepada kaum keluarganya dan masyarakat tetapi juga kepada sahabatnya dan negara. Begitulah keadaan dunia ini. Ini nyata bahawa we are not more than candles burning in the wind, so says the Japanese proverb.

Saya juga tidak ketinggalan bersama-sama dengan orang-orang lain untuk mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Tan Sri Manickavasagam no more, so no more of Manicka. We are left with pain and grief and grief is a stone that wears one down. Marilah kita semua ingat bahawa death is a crown of life.

2.56 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berserta dengan rakan-rakan sejawat saya yang lain di Dewan ini dan juga di Dewan Rakyat untuk merakamkan perasaan yang terharu dan sedih bagi pihak diri saya dan juga parti saya yang wakil SUPP Sarawak di atas kematian mendiang Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Pemergian Yang Berhormat Tan Sri Dato' V. Manickavasagam tidak syak lagi merupakan kehilangan yang besar kepada negara ini

khususnya dan rantau ini amnya. Walaupun pemergian beliau itu adalah secara mengejut dan pada ketika khidmat dan jasa beliau masih sangat-sangat diperlukan lagi oleh negara ini tetapi jasa dan sumbangan beliau kepada negara ini pada masa-masa yang lampau adalah sangat-sangat besar ertinya akan tetapi dikenang dalam sejarah tanahair ini.

Sebagai kita sedia maklum mendiang Tan Sri Dato' V. Manickavasagam adalah merupakan seorang Ahli Parlimen yang begitu berpengalaman dan terkemuka. Malahan beliau telah mula dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat awal-awal tahun 1959 dan telah secara terus-terang memainkan peranan yang aktif di dalam Dewan Rakyat sehingga beliau dilantik menjadi Party Whip bagi Barisan Nasional. Sepanjang perkhidmatan beliau yang panjang kepada Kerajaan beliau telah aktif dan jujur memberi perkhidmatan dan sumbangannya yang berbagai khususnya dalam bidang pengangkutan dan buruh. Dalam bidang pengangkutan mendiang Tan Sri Dato' V. Manickavasagam sangatlah berkait rapat dengan perkembangan dan kemajuan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan juga perkembangan pelabuhan-pelabuhan di negara ini.

Selain daripada itu mendiang Tan Sri Dato' V. Manickavasagam juga memberi sumbangan yang penting terhadap berbagai kemajuan dalam bidang buruh khususnya di dalam mengadakan Sistem Keselamatan Sosial (SOCSO) di Malaysia. Memandangkan kepada peranan beliau yang aktif dalam bidang ini beliau pernah dilantik menjadi President Persidangan Buruh Antarabangsa dalam tahun 1970. Ini merupakan orang yang pertama dari Malaysia yang diberi penghormatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jasa-jasa dan perkhidmatan yang cemerlang Yang Berhormat mendiang Tan Sri Dato' V. Manickavasagam memanglah banyak dan ini akan tetap dikenang selama-lamanya oleh seluruh rakyat Malaysia kerana beliau adalah seorang pemimpin negara yang popular.

Akhir kata saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mendiang Tan Sri Dato' V. Manickavasagam di atas kematian yang mereka alami.

Saya dan parti saya SUPP mengucapkan penuh simpati kepada rakan-rakan MIC di atas kehilangan seorang pemimpin yang berkaliber yang telahpun berkhidmat dengan cemerlang demi kebaikan parti, rakyat dan negara.

3.00 ptg.

Tuan Alexander Y. L. Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini bagi pihak Parti Gerakan Rakyat Malaysia untuk bersama-sama dengan sentimen-sentimen yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio dan saudara-saudara di Dewan ini di atas kematian saudara Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam pada 12hb. Oktober, 1979 yang lalu.

Kami semua telah terkejut pada hari tersebut apabila mengetahui bahawa Tan Sri V. Manickavasagam telah meninggal dengan tiba-tiba akibat sakit jantung di rumahnya. Saya telah mula kenal dengan mendiang Tan Sri V. Manickavasagam pada tahun 1969 berikutan dengan Peristiwa 13hb. Mei tahun itu. Kami telah bersama-sama di Majlis Perpaduan Kebangsaan (National Solidarity Council), dan di dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang telah didirikan di bawah Majlis ini. Beliau merupakan seorang pekerja yang tidak mengenal akan penat dan letih menyumbang tenaga kepada tugas menyatupadukan rakyat dan membina sebuah negara Malaysia bukan sahaja untuk faedah keturunan sekarang, tetapi juga untuk keturunan yang akan datang. Beliau tidak pernah putus mengekalkan hak-hak bukan sahaja untuk kaum India di mana beliau menjadi pemimpin utama tetapi juga tentang hak-hak golongan bawahan tanpa mengira bangsa atau agama.

Mendiang Tan Sri V. Manickavasagam adalah seorang yang berani. Walaupun berada dalam keuzuran dan setelah menjalani beberapa pembedahan beliau meneruskan tugas-tugasnya sebagai Menteri dan menyumbangkan sepenuh masanya kepada hal-hal negara. Beliau meneruskan kerja-kerjanya tanpa mengenal penat lelah walaupun kedaannya uzur. Dan mungkin juga menentang nasihat-nasihat doktor. Beliau terus membuat lawatan keseluruh negara dan terus membuat lawatan keseberang laut mengetuai berbagai-bagai rombongan perwakilan Malaysia.

Baru-baru ini iaitu pada bulan September beliau mengetuai satu rombongan perwakilan Parlimen ke perjumpaan Persidangan

Parlimen Antarabangsa (Inter-Parliamentary Union) di Caracas, Venezuela. Lawatan yang begitu lama sudah pasti memberi kesan kepada seorang yang mempunyai penyakit sakit jantung.

Tuan Yang di-Pertua, pada sesi terakhir Dewan ini, kami menyatakan perasaan sedih kami kepada keluarga mendiang Tun Sambanthan yang terdahulu dari mendiang Tan Sri V. Manickavasagam yang juga merupakan Presiden MIC. Amatlah bererti sekali bahawa dalam masa 10 tahun berikutan dengan Peristiwa 13hb Mei, kita telah kehilangan tidak kurang dari lima pemimpin-pemimpin kita yang utama. Empat dari mereka telah meninggal akibat sakit jantung semasa mereka masih berkhidmat untuk negara. Saya pasti bahawa tanggungjawab-tanggungjawab yang berat yang harus dipikul oleh Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Dr Ismail, Mendiang Tun Sambanthan, mendiang Tan Sri Khaw Kai Boh dan mendiang Tan Sri Manickavasagam dalam usaha-usaha untuk memulih keamanan dan perpaduan setelah Peristiwa sedih 13hb Mei, meninggalkan kesan yang mudarat pada kesihatan mereka. Satu kesan yang amat sangat hingga hari ini mereka telah meninggalkan kita. Ini merupakan satu harga yang mahal yang harus dibayar oleh negara untuk peristiwa tersebut.

Dan biarlah kita pada hari ini mengenang kembali pemimpin-pemimpin utama kita yang telah pergi pada masa lepas yang berjaya dengan tekun dan tegas untuk memulih sebuah negara yang kecil sebagai negara yang aman, maju dan damai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, keluarga mendiang Tan Sri Manickavasagam telah kehilangan seorang ahli keluarga yang dikasihi. Anak-anaknya telah kehilangan seorang bapa dan abang-abangnya kehilangan seorang adik dan seorang saudara di dalam politik. Tetapi negara kita telah kehilangan lagi seorang anak yang berani, seorang yang telah memberi nyawanya untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, kami memberi segala sokongan pada usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga saya ingin mengemukakan bahawa rekod tatacara ini dihadiahkan kepada mendiang Tan Sri Manickavasagam sebagai kenangan di atas tugas-tugas yang cemerlang kepada negara.

3.06 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersama-sama menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi.

Bagi pihak Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak, dengan rasa sedih turut merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat atas kematian Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam, Menteri Pengangkutan dan kami juga turut menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya serta ahli-ahli MIC seluruhnya.

Mendiang Tan Sri V. Manickavasagam adalah seorang ahli politik Malaysia yang terkenal di seluruh negeri dalam negara ini. Walaupun rakyat negeri Sarawak masih ada yang tidak dapat melihat wajahnya dengan cara dekat, apa yang telah dinikmati sedikit sebanyak oleh rakyat jelata serta apa yang dapat dilihat kita segala kemajuan dan pembangunan yang menjadi tanggungjawabnya sebagai seorang Menteri, misalnya, jalanraya, jambatan baru, dan pembesaran lapangan-terbang dan lain-lain lagi yang tidak boleh dilupai oleh rakyat.

Pada diri saya semenjak 10 tahun sudah memang kenal pada orangnya yang bersifat peramah, murah hati. Saya masih ingat lagi waktu beliau bertugas sebagai Timbalan Whip dalam Dewan Rakyat apabila sidang Dewan itu sampai larut malam beliau pernah bercakap mempelawa kami Ahli dari Sarawak yang tidak ada kereta untuk menghantar balik ke hotel bersama-sama beliau sendiri.

Walau bagaimanapun kami telah menolak tawarannya atas sebab kami menghormati beliau sebagai seorang Menteri yang begitu rendah hati. Kenangan manis seperti ini kami-kami Ahli dari Sarawak tidak boleh melupakan. Saya berkata demikian bukan sahaja oleh kerana beliau telah meninggalkan kita sama juga seperti apa yang telah dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terdahulu dari saya ini. Mengingatn cara peribadi dan jasa-jasanya serta tanggungjawab seorang yang berpolitik perjuangan berterusan mendiang Tan Sri V. Manickavasagam adalah meninggalkan kesan politik yang boleh menjadi contoh tauladan dalam perjuangan arena politik berbagai kaum seperti negara kita ini. Memang patut diberi pujian pendek kata seperti kata pepatah :

“Harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan tulang.”

Pemimpin politik meninggal dunia seperti Tan Sri V. Manickavasagam boleh dianggap banyak meninggalkan kesan perjuangan kemerdekaan. Bukan sahaja untuk suku kaum beliau sendiri bahkan seluruh rakyat dan masa depan yang bergantung kepada perpaduan politik berbagai kaum seperti yang menjadi amalan parti-parti dalam Barisan Nasional hari ini.

Untuk menjaga maruah dan kemakmuran kebangsaan di dalam negara yang kita cintai ini, akhirnya kami berdoa agar roh beliau diberkati Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah di hadapan Majlis ini bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, Dato' Haji Mohamed bin Nasir, disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam, Menteri Pengangkutan pada 12hb. Oktober, 1979 untuk menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk mengenangkan jasanya, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri bersama saya bertafakkur selama seminit.

(Majlis bertafakkur selama seminit)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

BAKAL HAJI KE TANAH SUCI— BATALKAN PENERBANGAN

1. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan bilangan bakal-bakal Haji yang membatalkan penerbangan dengan LUTH untuk menunaikan Fardhu Haji 31hb Oktober, 1979 dan berapa wang rampasan pendahuluan mereka yang diambil oleh LUTH kerana pembatalan tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa bilangan Bakal Haji yang membatalkan penerbangan ke Tanah Suci bagi Musim Haji Tahun Hijrah 1399 sehingga 31hb. Oktober, 1979 ialah seramai 695 orang.

Jumlah wang rampasan pendahuluan bagi mereka tersebut di atas belum dapat ditentukan kerana Lembaga Pengarah Perbadanan, Pengangkutan dan Perusahaan Tabung Haji Sendirian Berhad yang mengelolakan penerbangan Haji ke Tanah Suci masih mengkaji perkara yang tersebut.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu rampasan dikenakan kepada bakal-bakal Haji yang membatalkan penerbangannya ke Mekah sama seperti yang dikenakan kepada orang-orang yang menempah kapal terbang kerana melancung keluar negeri. Jadi, adakah perkara ini sama, pada hal sebagaimana Yang Berhormat Menteri tahu orang-orang yang pergi ke Mekah ini adalah dengan tujuan baik, dan kepada mereka diadakan tabung khas kerana menjimatkan wang supaya membolehkan mereka itu pergi Haji tetapi di dalam hal menunaikan pergi Haji banyak halangan-halangan yang menghalang mereka itu tidak dapat meneruskan penerbangannya, bukan kerana mereka itu engkar tetapi kerana tidak cukup wang, umpamanya yang ditetapkan oleh Tabung Haji \$4,000 sekurang-kurangnya. Jadi, orang-orang yang hendak pergi itu kadang-kadangnya dia berhutang daripada waris atau kawan-kawannya dengan tujuan apakala dia hendak belayar dapat dia bayar hutang, tetapi malangnya dia tidak dapat selesaikan dan terpaksa dia membatalkan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed: Maka adalah perbuatan yang seumpama ini iaitu dia membatalkan penerbangannya itu maka itupun termasuk dalam potongan ini, itu yang pertama. Yang keduanya, tidakkah ada rancangan Tabung Haji, orang-orang yang kemalangan seumpama itu diberi peluang kepadanya iaitu penarikan itu dipotong hanyalah bagi mereka yang membatalkan penerbangan kurang dari seminggu

yang bererti bakal-bakal Haji ini diberi peluang kepadanya. Dalam masa seminggu sebelum dia terbang itu, dia boleh berikhtiar, dan kalau dia tidak dapat ikhtiarkan, dia boleh batalkan—dalam masa itu tidak payahlah dipotong. Janganlah apakala batal sahaja, dipotong, batal sahaja potong. Ini merugikan kepada bakal-bakal Haji dan adalah menjahanamkan niat baik bakal-bakal Haji.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah membatalkan dan memotong deposit bakal-bakal Haji ini ialah cuma dilakukan dalam tahun 1977 sahaja iaitu seramai 21 orang dan jumlah semuanya \$12,600. Sesudah dikaji bahawa perkara ini patut diperbetulkan maka dalam tahun 1976 tidak ada satu potongan pun dan begitu juga dalam tahun 1975. Sebagaimana yang diberi pandangan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidaklah hendak melakukan sesuatu yang boleh merosakkan imej Tabung Haji sendiri dan juga kepada bakal-bakal Haji, maka soalnya sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam pertanyaan yang kedua itu, saya akan ambil perhatian dan kita akan bincangkan dalam Jawatankuasa Lembaga Tabung Haji.

TARIKH PUASA/HARI RAYA

2. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan bahawa sistem perhubungan di dalam negara dan antarabangsa adalah sangat baik iaitu kita boleh menghubungi dan dihubungi oleh negara-negara yang jauh, sama ada beliau akan berunding dengan ketua-ketua negara Islam untuk mendapat satu keputusan bagi menentukan tarikh anak bulan Ramadhan dan Syawal bagi seluruh negara Islam atau sekurang-kurangnya di peringkat Asean.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sukar hendak dipertimbangkan pada ketika ini, kerana cara menentukan tarikh mula berpuasa dan berhari raya ialah dengan cara Rukyah iaitu melihat anak bulan Ramadhan dan Syawal. Maka keputusan ini dibuat oleh Majlis Raja-raja Melayu dan adalah muktamad keputusan itu.

PERKHIDMATAN AWAM DALAM OPERASI ISI PENUH

3. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam yang telah diambil untuk Kumpulan-kumpulan A, B dan C setakat ini semenjak Gerakan Isi Penuh dilancarkan; dan
- (b) bilangan kekosongan yang masih belum diisi dan nyatakan tarikh muktamad untuk mengisi kesemuanya.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, bilangan calon-calon yang berjaya dan telah ditawarkan jawatan-jawatan di dalam perkhidmatan awam oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pelajaran dan Polis, semenjak 1hb Mei, 1979 sehingga 30hb November, 1979, bagi kumpulan-kumpulan A, B dan C adalah sebanyak 11,984.

Mengenai soalan yang kedua, saya tidak dapat memberi bilangan yang pasti tentang baki kekosongan-kekosongan jawatan Persekutuan yang akan diisi. Ini ialah oleh kerana bilangan kekosongan adalah sentiasa berubah akibat daripada persaraan, perletakan jawatan pengujudan jawatan-jawatan baru dan pemansuhan jawatan-jawatan. Walau bagaimanapun, adalah dianggarkan jumlah kekosongan adalah lebih kurang sebanyak 30,000 dan dijangkakan lebih kurang sebanyak 20,000 jawatan akan dapat diisi dalam bulan Januari, 1980. Yang baki 10,000 lagi jawatan-jawatan kosong, termasuk jawatan-jawatan Polis serta beberapa jawatan Ikhtisas seperti Pegawai Perubatan, Akauntan dan lain-lain tidak akan dapat diisi pada tarikh tersebut kerana masalah-masalah pentadbiran.

Mengenai tarikh di mana semua kekosongan ini perlu diisi, saya sukalah tegaskan di sini bahawa sistem operasi ini akan dilanjutkan sehingga Kerajaan menghadapi Rancangan Malaysia Keempat.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE MOSCOW

4. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil dari lawatan beliau ke Moscow baru-

baru ini dan sama ada Kerajaan boleh memberi peluang kepada Bumiputra untuk berniaga antara kedua negara ini.

5. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan apakah implikasi lawatan muhibbah beliau ke Russia baru-baru ini, yakni yang menguntungkan negara kita dari segi Ekonomi, Pelajaran, Sukan dan kebudayaan.

18. Tuan Ismail bin Hashim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pemimpin-pemimpin USSR memberikan pendapat mereka terhadap konflik Vietnam/Kampuchea dalam lawatan beliau ke Russia baru-baru ini, sekiranya ada apakah pendapat mereka dan apakah pandangan Malaysia terhadapnya.

19. Dato' Dr Wee Khoo Hock minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa Presiden Leonid Brezhnev telah memberi satu jaminan bahawa Vietnam tidak akan menyerang Thailand, Malaysia dan lain-lain negara ASEAN semasa beliau ke Soviet Union:

- (a) sama ada jaminan itu diberi tanpa mempengaruhi pendirian Malaysia dan negara-negara ASEAN tentang pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea; dan
- (b) sama ada jaminan itu diambil berat oleh Malaysia sendiri dan negara-negara ASEAN.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):
Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan No. 5 daripada Yang Berhormat Tuan Haji Fadzil bin Ahmad, soalan No. 18 daripada Yang Berhormat Tuan Ismail bin Hashim dan soalan No. 19 daripada Yang Berhormat Dato Dr. Wee Khoo Hock adalah berkaitan dengan soalan ini, maka jawapan kepada soalan ini akan juga meliputi soalan-soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan saya ke Soviet Union baru-baru ini adalah lawatan muhibbah atas jemputan Kerajaan negara itu. Hasil-hasil yang penting daripada lawatan saya itu adalah seperti berikut:

- (a) Saya mendapat peluang untuk berkenalan dengan pemimpin-pemimpin Soviet Union.

- (b) Saya dapat memaklumkan sekali lagi tentang dasar negara kita untuk mengadakan perhubungan yang seimbang dan sama rata dengan kuasa-kuasa besar.

- (c) Saya dapat juga menyatakan lagi tentang cita-cita dan harapan Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain untuk mewujudkan kestabilan dan keamanan serantau termasuklah usaha menjadikan wilayah ini kawasan aman, bebas dan berkecuali.

- (d) Saya juga berpeluang untuk menyampaikan perasaan kebimbangan Malaysia negara-negara ASEAN yang lain berkenaan dengan persengketaan di Kampuchea, dan berharap perkara ini dapat diselesaikan secara aman.

- (e) Di samping mendengar pandangan pemimpin-pemimpin Soviet Union atas masalah di Kampuchea itu, saya telah berpeluang untuk menyampaikan pandangan Malaysia bahawa Soviet Union boleh memainkan peranan dalam menyelesaikan masalah itu.

Dari segi ekonomi, kedua-dua belah pihak telah menyatakan keinginan mereka untuk menambahkan lagi perdagangan dua hala. Pihak Soviet Union telah menyatakan bahawa mereka akan terus membeli getah dan minyak kelapa sawit dengan lebih banyak lagi dan meminta agar pihak Malaysia membeli lebih banyak lagi barang-barang buatan kilang dari Soviet Union. Satu rombongan dari Soviet Union dijangka akan melawat Malaysia pada awal tahun hadapan untuk meneruskan perbincangan lanjut dengan pihak kita.

Mengenai peluang bumiputra untuk berniaga dengan pihak Soviet Union, inginlah saya menyatakan bahawa Kerajaan memanglah menggalakkan pihak swasta, baik bumiputra ataupun bukan bumiputra, berniaga dengan negara-negara lain. Begitulah juga dasar Kerajaan terhadap perniagaan dengan Soviet Union. Tetapi hendaklah diingat bahawa sistem ekonomi dan perniagaan Soviet Union, adalah berlainan daripada sistem yang diamalkan di negara ini. Perniagaan mereka adalah dijalankan melalui agensi-agensinya sahaja.

Semasa lawatan saya itu, perkara-perkara mengenai pelajaran, sukan dan kebudayaan tidak dibincangkan secara khususnya. Walau bagaimanapun, hubungan antara kedua-dua

pihak di dalam bidang-bidang tersebut memang telah sedia wujud, berdasarkan satu perjanjian kerjasama yang ditandatangani oleh kedua-dua negara dalam tahun 1972.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan konflik Vietnam/Kampuchea, pemimpin-pemimpin Soviet Union telah memberi pendapat mereka, iaitu, mereka menyokong tindakan Vietnam itu. Pandangan Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain ialah supaya persengketaan di Kampuchea itu dapat diselesaikan secara aman, melalui cara-cara politik dan tidak secara tentera. Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain meminta supaya tentera Vietnam berundur keluar dari Kampuchea.

Mengenai jaminan Presiden Brezhnev, ingin saya jelaskan di sini bahawa sebenarnya Presiden Brezhnev meminta saya sampaikan kepada Perana Menteri Thailand iaitu Soviet Union memberi jaminan bahawa Vietnam tidak akan menyerang Thailand. Saya tidaklah tahu sama ada jaminan ini, dan kaitannya dengan pendirian Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain supaya tentera Vietnam undur keluar dari Kampuchea. Walau bagaimanapun, Malaysia menerima baik jaminan Presiden Brezhnev itu.

SIMEN—KENAIKAN HARGA

6. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebabnya Kerajaan tidak dapat mengawal harga simen yang telah ditetapkan pada \$8.20 satu beg dan nyatakan sama ada Kerajaan berasa bimbang dengan melambungnya harga simen, kos projek-projek binaan juga turut naik pada kadar 30—40%.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan bahawa Kerajaan tidak dapat mengawasi harga simen yang telah ditetapkan pada \$8.20 satu beg adalah tidak benar. Kementerian saya sedar bahawa pada peringkat awal penetapan harga runcit maksima sebanyak \$8.20 ini terdapat beberapa aduan dari penduduk luar bandar yang terpaksa membayar lebih dari harga yang telah ditetapkan oleh kerana bayaran pengangkutan yang dikenakan oleh pihak-pihak pembekal atau pengedar.

Untuk menentukan bahawa amalan ini berterusan, Kementerian saya telah meng-

ambil langkah-langkah tertentu bagi menentukan supaya penjualan simen di Semenanjung Malaysia tidak melebihi dari harga runcit maksima yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Satu peraturan yang telah dikuatkuasakan mulai 1hb. Oktober, 1979 yang mewajibkan setiap penjual simen disertakan dengan kenyataan-kenyataan penjualan (statement of sales) telah dilaksanakan. Dalam kenyataan penjualan ini butir-butir bersabit dengan nama dan alamat pembeli dan nama alamat penjual, quantity belian yang dibuat dan harga jualan adalah diwajibkan untuk dicatatkan dan kegagalan untuk mematuhi peraturan ini adalah satu kesalahan di bawah Peraturan Kawalan Bekalan, 1974. Kenyataan penjualan ini hendaklah disimpan oleh penjual dan pembeli untuk pemeriksaan.

Dengan adanya peraturan ini di samping pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Kementerian saya, saya percaya bahawa masalah penjualan simen dengan harga yang melebihi dari harga runcit maksima yang ditetapkan oleh Kerajaan akan dapat dikesan dan dikawal di mana-mana pihak yang menyeleweng dalam perkara ini akan dikenakan tindakan yang tegas.

Kerajaan memang sedar bahawa kenaikan harga simen telah mengakibatkan sedikit sebanyak kenaikan kos kepada projek-projek binaan. Walau bagaimanapun sukalah saya menjelaskan di sini iaitu kenaikan harga projek-projek pembinaan bukanlah disebabkan oleh kenaikan harga simen sahaja tetapi adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang lain.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kenaikan harga projek-projek binaan telah naik sebelum Kerajaan meluluskan kenaikan harga simen dan dari kajian Kementerian saya kenaikan kos simen hanya melambatkan 3 hingga 5% sahaja bagi kos sesuatu projek binaan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan iaitu oleh kerana kenaikan harga simen ini menaikkan harga-harga pembinaan rumah. Bagaimana beliau menaikkan harga simen ini, sebab pada masa sebelum naiknya harga sampai \$7.60 satu beg yang ada sekarang ini, harga simen cuma \$5 satu beg sahaja. Jadi kalau \$5 satu beg sampai \$7.60 kalau dikaji naik lebih

kurang 30%. Adakah atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri kaji daripada keuntungan syarikat ini, iaitu syarikat ini sudah 4-5 tahun rugi, maka dengan sebab itu dikaji dan patut dinaikkan harganya. Jikalau dikaji, misalnya, tahun 1978 sudah rugi ataupun ada untung \$1 melion atau \$2 melion boleh dinaikkan, barangkali 10%, tetapi dinaikkan sampai 30%. Jadi bagaimana kajian ini dibuat oleh Kementerian?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat telah katakan harga simen sebelum dikaji semula ialah \$5 satu beg dan Kementerian saya selepas kajian yang teliti atas permohonan yang dibuat oleh pengilang-pengilang simen telah meluluskan menaikkan harga simen ex-factory yang dahulu \$5 satu beg kepada \$6.50 satu beg. Tuntutan yang dibuat oleh kilang-kilang simen itu ialah permintaan untuk menaikkan kepada \$7 satu beg. Tetapi setelah dikaji kita bersetuju menaikkannya disebabkan kos-kos pengeluaran pun telah naik dan harga simen \$5 ini adalah ditetapkan lima tahun dahulu dan Kementerian saya telah bersetuju harga simen dinaikkan 30% iaitu kepada \$6.50 satu beg.

Seperti Yang Berhormat katakan tadi dijual runcit di antara \$7.20 hingga \$8.20 satu beg itu bertambah kos pengangkutan. Jadi banyak pengguna-pengguna dan pembeli-pembeli tidak berapa mengerti bagaimana kalau kita kata Kuala Lumpur ada kilang simennya di Rawang. Sepatutnya pengangkutan dari Rawang ke Kuala Lumpur setinggi-tingginya 50 sen, kenapa dijual \$7.40 atau \$7.30. Ini disebabkan kita telahpun meluluskan kenaikan harga daripada \$5 kepada \$6.50 dan kita telahpun mengadakan satu syarat yang mana di merata-rata tempat di Semenanjung Malaysia harga runcit maksima tidak boleh melebihi daripada \$8.20. Jadi kos pengangkutan seperti daripada Rawang ke Pantai Timur atau daripada Tasek ke Johor Bahru dan satu lagi kilang simen di Perlis, dari Perlis ke Johor Bahru semuanya akan diselaraskan supaya di merata-rata tempat harga runcit tidak boleh lebih daripada \$8.20. Jadi dalam harga yang ditetapkan oleh kilang ini ada harga ex-factory tambah kos pengeluaran, tambah satu factor "X"- "X" itu meliputi kos pengangkutan daripada kilang ke Pantai Timur umpamanya.

Kalau kita kira kos pengangkutan dari Rawang ke Pantai Timur ialah \$2-\$2.50 satu beg. Jadi kalau \$6.50 kita tetapkan harga ex-factory hantar ke Pantai Timur, harga ex-factory dengan kos pengangkutan sudah sampai \$5, tetapi factory itu kena jual \$8.20. Kalau dipotong 30 sen kepada komisen dia dapat \$7.90. Dengan ini alasan harga di Pantai Barat Semenanjung Malaysia kena membayar lebih sedikit ialah untuk mengsubsidiakan kos pengangkutan ke Pantai Timur.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kerajaan sedar yang orang ramai tidak dapat membeli simen dengan harga \$8.20 satu kampak?

Kedua, adakah Kerajaan sedar yang dalam resit yang disuruh oleh Kerajaan buat itu memang dimasukkan \$8.20 tetapi kalau tidak ada membayar wang under the table atas harus tiap-tiap kampak simen itu orang ramai tidak boleh dapat simen.

Ketiga, adakah Kerajaan boleh dapat menetapkan di mana-mana negeri harga simen sekian. Di Johor berapa harga simen, di Pahang berapa, di Kelantan berapa. Kalau Kerajaan tidak menetapkan ini dimain oleh orang tengah yang akhirnya orang ramai yang menderita. Harap dapat penjelasan.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang pertama iaitu waktu harga ini dikaji dan ditetapkan dengan paras \$6.50 ex-factory dan juga kita letakkan \$8.20 satu beg, ini adalah harga maksima. Saya sedar ada beberapa tempat tidak dapat membeli simen dengan harga \$8.20. Dengan kajian dan siasatan Kementerian saya kita dapati bahawa pada masa dahulu agen-agen syarikat pengilang simen ini dahulu dia sendiri menambahkan komisen dan sebab harga telah ditetapkan maksima \$8.20 pengilang cuma memberi komisen 30 sen. Jadi banyak agen tidak mahu dan tidak membuat pesanan kepada kilang simen untuk menghantar simen ke merata-rata tempat, sebab itu banyak pengguna tidak dapat membeli simen. Tetapi Kementerian saya sekarang telahpun mengkaji perkara ini.

Menjawab soalan yang ketiga di mana di merata-rata tempat kilang simen telah menetapkan harga seperti di Perlis \$7.40. Ini bukan sahaja simen keluaran kilang APMC tetapi semua kilang, KIMA di Perlis, kilang Tasek dekat Ipoh dan juga APMC di Rawang

dan harga ini telah ditetapkan di merata-rata tempat di negeri-negeri di Malaysia ini seperti di Pulau Pinang \$7.90 Perak \$7.70. Ini semua di tiap-tiap satu tempat dalam negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dengan harga ini saya rasa kita dapat kestabilan dalam pasaran simen ini.

Berkenaan dengan peruntukan ada under the table dealing, ini Kementerian saya tidak boleh menjaga. Kalau orang hendak bayar under the table, kita hendak memaksa sesiapa yang membeli minta satu kenyataan kalau tidak bagi laporkan kepada pegawai Kementerian saya dan kita boleh siasat. Tetapi kalau apa yang ditulis di sana pembeli hendak tambah, ini Kementerian saya tidak boleh berbuat apa-apa.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Saya cuma hendak mendapatkan penerangan kalau ia tidak tambah—bukan dia suka tambah, tetapi tidak boleh dapat simen. Ini pengakuan saya hendak tahu. Bagaimana cara simen itu boleh dapat untuk orang ramai.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak boleh dapat simen buatlah laporan kepada Kementerian saya dan di bawah Akta Bekalan Kementerian saya ada kuasa untuk mengarahkan pengedar atau pengilang menghantar simen ke mana-mana tempat dan menjual dengan harga yang ditetapkan. Atas penyelewengan-penyelewengan itu ialah satu kesalahan yang mana kita boleh ambil tindakan mahkamah.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh atau tidak Kementerian membuat begini, iaitu harga mula-mula dikatakan \$6.50 satu kampil. \$6.50 satu kampil tidak boleh pula kita yang hendak membeli simen ini pergi ke faktori tidak boleh ataupun agen ini hendak beli ke faktori tidak boleh, faktori terpaksa menghantar. Faktori menghantar diletakkan harga lori yang tidak berpatutan. Misalnya di Rawang orang Rawang mendapat satu kampil simen daripada faktori semurah-murahnya \$7.20 sekampil. Jadi inilah yang disebutkan di tiap-tiap negeri. Boleh atau tidak orang berkehendakkan simen ini mengambil terus daripada faktori itu tambang-menambang itu terserahlah kepada orang itu. Boleh atau tidak diberi begitu.

Kedua, ada atau tidak, oleh kerana dahulu ada satu faktori simen di Rawang buat rosak, faktori di Ipoh buat rosak. Memang mereka

berpakat rosak supaya shortage pengeluaran simen ini kekurangan. Dengan sebab itu meminta daripada Kementerian oleh kerana ini mestilah dinaikkan harga supaya boleh pengeluaran lebih. Ada atau tidak jalan begini yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat Senator itu pun sudah kita bincangkan dengan pihak pengilang dan pengilang sekarang pun telah ada satu sistem yang mana ia menggalakkan pembayaran khususnya bulk sales kepada bulk users seperti kepada kontraktor-kontraktor dengan harga yang dikatakan exp-depoh ia ada diletakkan di beberapa depoh di tempat-tempat seperti di Kuala Lumpur, Ipoh dan sebagainya yang mana harga itu ditetapkan dan siapa hendak beli untuk membayar pengangkutan sendiri boleh beli daripada exp-depoh. Jadi satu cara di mana kita mengelakkan khususnya pembelian yang besar daripada bulk users.

Mengenai perkara yang kedua iaitu pekilang dengan sengaja mengatakan tidak ada pengeluaran, dalam siasatan Kementerian saya keupayaan atau capacity 4 buah kilang simen yang ada di negara kita adalah 2.4 juta tan dan penggunaan di Malaysia ini cuma 2.2 juta tan. Jadi tidak ada sebab yang mana pengeluaran tidak boleh menampung keperluan dan kita pun telah tambah kelulusan 4 buah kilang di Malaysia yang mana kalau keempat-empat buah itu dalam production, keluaran simen di negara kita ini akan naik sampai 6.4 juta tan iaitu saya rasa dalam tahun 1982 dan kita pun jangka pada tahun itu permintaan cuma 3.5 juta tan. Jadi kita ada baki untuk eksport. Pendeknya saya rasa kilang itu tidak boleh sengaja memberhentikan pengeluaran atau menahankan bekalan untuk membuat kesusahan kepada pengguna-pengguna.

PEMBORONG J.K.R. DIKENAKAN DENDA

7. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (i) bilangan pemborong J.K.R. yang telah dikenakan denda dan yang telah ditarik balik kontrak yang telah ditawarkan dalam tahun 1977 dan 1978 dan sebabnya tindakan itu diambil; dan

- (ii) daripada jumlah di atas bilangan pemborong Bumiputra dan bukan Bumiputra.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, bilangan pemborong J.K.R. yang telah dikenakan denda dan yang telah ditarik balik kontreknya yang telah ditawarkan dalam tahun 1977 adalah seramai 102 pemborong, manakala dalam tahun 1978 seramai 110 pemborong. Sebab-sebab tindakan ini diambil ialah kerana kerja-kerja pembinaan tergendala, kegagalan menjalankan kerja-kerja pembinaan dengan lancar atau kemajuan kerja tidak memuaskan dan juga ada di antara pemborong-pemborong yang gagal memulakan kerjanya.

Bagi jawapan untuk soalan yang kedua, daripada jumlah 102 pemborong yang dikenakan tindakan dalam tahun 1977 seramai 86 adalah pemborong bumiputra dan seramai 16 adalah pemborong bukan bumiputra, manakala dalam tahun 1978 seramai 103 adalah pemborong bumiputra dan seramai 7 orang adalah pemborong bukan bumiputra.

Tuan V. V. Aboo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada penerangan Yang Berhormat Menteri, sebelum dikenakan denda, adakah jurutera-jurutera itu bertanya atau berunding dengan Pengarah-pengarah J.K.R. berkenaan?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja berunding, tetapi juga kita siasat dengan sepenuhnya sebelum kita ambil tindakan daripada Kementerian saya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri itu hanya 7 orang bukan bumiputra tetapi 103 orang bumiputra telah diambil tindakan. Apakah sebabnya yang bumiputra begitu ramai, 103 orang yang telah diambil tindakan dan mengalami kerugian. Jadi apakah sebab-sebabnya yang bumiputra begini gayanya, sampai 103 orang disingkir. Adakah tidak diselidiki oleh pihak Kementerian, boleh jadi bumiputra tidak ada berduit, tidak dapat pinjaman daripada bank ataupun pembayaran daripada Jabatan yang berkenaan itu lambat ataupun kerja-kerja tergendala oleh sebab-sebab yang lain, oleh kerana bilangannya itu ramai, patutlah disiasat.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab-sebab pemborong bumiputra banyak gagal ialah kerana mereka baru berkecimpung dalam industri pembinaan.

Dengan itu mereka menghadapi berbagai-bagai masalah, seperti kurang pengetahuan teknikal dan pengurusan kontrek, kesukaran mendapatkan sumber-sumber modal, bahan-bahan binaan dan lain-lain masalah yang berkaitan dengan bidang pembinaan. Akibat dari masalah-masalah itu kerap kali pemborong-pemborong bumiputra menghadapi sukar untuk memulakan kerja atau hanya dapat menunjukkan kemajuan-kemajuan kerja yang tidak memuaskan.

KAJIAN KEMISKINAN DI BANDAR

8. Tuan M. Mahalingam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kajian kemiskinan di bandar akan dijalankan bagi melaraskan strategi jangka panjang untuk membasmi kemiskinan di bandar.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya ya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pada masa ini kajian-kajian untuk mengesan dan menilai keadaan dan gejala-gejala kemiskinan di bandar sedang dijalankan di kedua-dua peringkat mikro dan makro oleh Yunit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am dan Yunit Perancang Ekonomi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Maklumat-maklumat yang dikumpul dari kajian ini akan digunakan untuk menyusun strategi bagi membantu membasmi kemiskinan di bandar dalam penyediaan Rancangan Malaysia Keempat dan bagi strategi jangka panjang rancangan pembangunan berikutnya.

LETRIK—GANGGUAN BEKALAN DI PULAU PINANG

9. Tuan Oh Siew Aun minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bekalan letrik di Balik Pulau, Pulau Pinang kerap kali terputus dan kadang-kadang sehingga lebih dari 24 jam khususnya pada Hari Raya Puasa, Tahun Baru China, Deepavali dan hari Ahad; jika sedar apakah langkah beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang kerap berlakunya gangguan bekalan di Balik Pulau, Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat gangguan-gangguan ini berlaku mungkin disebabkan oleh salah satu faktor-faktor berikut:

- (1) Sambaran kilat pada talian atas.
- (2) Perbuatan membaling alat insulators dengan batu atau membaling talian-talian atas dengan kayu oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.
- (3) Kerosakan kebel bawah tanah yang berpunca dari kerja-kerja pembinaan.

Pihak LLN sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah ini dengan berbagai cara, diantaranya iaitu:

- (1) meminta kerjasama dari pihak Polis untuk mengawasi perbuatan-perbuatan orang yang tidak bertanggungjawab.
- (2) memberi nasihat kepada pemaju-pemaju supaya memberi tahu pihak LLN apabila mereka hendak membuat kerja-kerja menggali lubang di kawasan yang berdekatan dengan kebel-kebel bawah tanah.
- (3) membina talian atas yang berkeupayaan 33 k.v. ke Balik Pulau dan Batu Feringgi bagi menggantikan talian atas 11 k.v. yang ada sekarang.

Kerja ini dijangka dapat dilaksanakan pada pertengahan tahun 1981. Pihak LLN akan berusaha untuk memulihkan bekalan letrik secepat mungkin pada tiap-tiap kali kerosakan berlaku. Walau bagaimanapun kadangkala pekerja-pekerja LLN terpaksa mengambil masa untuk mengesan kerosakan tersebut.

PERUMAHAN GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH

10. Puan Rahmah binti Othman minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan Kerajaan mempunyai matlamat bagi mengatasi masalah perumahan untuk golongan yang berpendapatan rendah, sama ada matlamat itu sudah tercapai dalam masa lima tahun kebelakangan hingga sekarang; dan jumlah mereka dalam golongan pendapatan rendah yang telah menerima faedahnya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengadakan berbagai-bagai program untuk mengatasi masalah perumahan di kalangan rakyat berpendapatan rendah. Sehingga pada masa ini matlamat tersebut masih belum dicapai. Walau bagaimanapun, usaha yang gigih dan langkah yang positif sedang dijalankan sekarang oleh agensi-agensi Kerajaan yang terlibat, di mana dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah mengkaji masalah-masalah berhubung dengan pelaksanaan projek-projek perumahan awam supaya sasaran unit yang adakan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini dapat dicapai. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga kira-kira 76,000 unit rumah telah disiapkan oleh sektor awam yang sebahagian besar daripadanya adalah ditujukan khas kepada golongan berpendapatan rendah. Di samping itu 92,000 unit lagi adalah dalam peringkat pelaksanaan.

Puan Rahmah binti Othman: Soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih di atas penerangan yang diberi, tetapi masih lagi tak terjawab. Saya bertanyakan term "pendapatan rendah" itu. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan jika orang yang berpendapatan rendah ini dimaksudkan dalam kumpulan yang berpendapatan \$500 sebulan adakah mereka ini gagal untuk mendapatkan faedah yang diberikan rumah-rumah ini untuk mereka kerana saya percaya rumah-rumah yang didirikan memang tidak mampu bagi golongan yang berpendapatan sebegini rendah. Menteri tidak menjawab soalan saya, term yang dimaksudkan oleh Kementerian itu, "pendapatan rendah".

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, soalan bahagian yang kedua, jumlah mereka dalam golongan pendapatan rendah yang telah menerima faedah, saya telah berikan angka—92,000.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Saya mendapat tahu pihak Kerajaan mengatakan rumah murah. Pertama saya hendak tahu berapa setinggi-tinggi harga rumah murah yang dikatakan rumah murah. Kedua, pendapatan rendah orang yang macam mana yang disifatkan berpendapatan rendah. Ini cukup terang. Ketiga berapa lama agaknya Kerajaan dapat mengatasi semua orang atau

boleh dikatakan kebanyakannya telah mendapat rumah ini, tidak dikehendaki oleh orang ramai lagi.

Dato Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ketiga tidak pernah kita memenuhi kehendak semua rakyat bagi mendapat rumah. Saya ingat kalau ada rancangan yang panjang akan mengambil masa 50 tahun atau 100 tahun. Oleh sebab ada dynamic projection, penduduk-penduduk makin bertambah. Kalau mengikut statistik yang ada pada tahun 1970 kalau hendak memenuhi kehendak rakyat kita patut membina 100,000 unit rumah setahun. Saya ingat pada masa ini sektor awam atau sektor swasta tidak mampu berbuat begitu.

Soalan kedua dan yang pertama, saya ingat ada banyak soalan-soalan yang ada ditetapkan dalam jadual Senate dan saya akan memberi jawapan apabila sampai harinya nanti.

DAKWAH SONGSANG

11. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengadakan undang-undang untuk membenters dakwah songsang untuk menjaga kesucian dan keharmonian Islam kerana dakwah songsang ini telah merebak di kalangan masyarakat dan juga penuntut-penuntut kita di luar negeri supaya imej negara kita di kalangan negara-negara Islam dan dunia tidak akan terjejas.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang tersebut kerana di negeri-negeri telahpun ada Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak untuk mengawal ajaran salah dengan mengenakan tauliah dan lain-lain syarat yang tertentu untuk mengawasi semua pendakwah dan penceramah yang menjalankan dakwah di negara ini. Mengenai kegiatan dakwah kepada penuntut-penuntut kita di luar negeri, Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri sedang berusaha mewujudkan jawatan-jawatan pegawai Ugama di pusat-pusat pelajar Malaysia untuk memberi nasihat dan bimbingan kepada mereka dalam perkara-perkara keagamaan. Suka saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dan Dewan ini "Dakwah" tidak ada songsang di dalamnya. Jika ada songsang maka itu bukan Dakwah namanya.

ROMPAKAN DALAM TAHUN 1978/79

12. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan rompakan-rompakan dalam tahun 1978 hingga tahun 1979 dengan memberi angka-angka pecahan untuk:

- (a) rompakan pecah rumah;
- (b) rompakan Bank;
- (c) bilangan penjenayah yang dapat ditangkap;
- (d) bilangan mereka yang dapat dibawa ke mahkamah dan dihukum penjara; dan
- (e) rompakan yang menyebabkan kehilangan jiwa.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah bilangan bagi semua jenis rompakan pada tahun 1978 ialah 3,638 dan pada tahun 1979 sehingga bulan Oktober, (saya tak dapat lagi bulan November dan Disember) 3,83. Pecahannya seperti berikut:

	1978	1979
Rompakan Pecah Rumah	501	445
Rompakan Bank	...	- 2
Bilangan penjenayah yang dapat ditangkap bagi semua jenis rompakan	...	579 504
Bilangan mereka yang dapat dibawa ke mahkamah dan dihukum bagi semua jenis rompakan	...	393 246
Rompakan yang menyebabkan kehilangan jiwa	...	21 17

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada kes-kes rompakan ini adalah melibatkan rompakan secara kecil-kecilan. Istilah kecil-kecil ini apa? Mengikut cara pemerintah memikirkan soalan ini rompakan yang di bawah nilai \$1,000 itu dikatakan rompakan kecil-kecilan. Kebanyakan rompakan tahun 1978 dan 1979 bilangan 7,421 ini kebanyakannya iaitu 6,770 kes adalah termasuk di bawah kes kecil-kecilan. Hanya lebih kurang 681 sahaja yang dikatakan kes besar.

SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH/RENDAH

13. **Tuan Haji Fadzil bin Ahmad** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan Sekolah-sekolah (i) Menengah dan (ii) Rendah yang ada di (a) Semenanjung Malaysia (b) Sabah dan (c) Sarawak.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, angkanya seperti berikut:

	Sekolah Menengah	Sekolah Rendah
(a) Semenanjung Malaysia ...	775	4,342
(b) Sabah	85	812
(c) Sarawak	83	1,260
JUMLAH ...	943	6,414

TUGAS SETIAUSAHA PARLIMEN/ SETIAUSAHA POLITIK

14. **Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan fungsi-fungsi dan tugas-tugas Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik kepada Menteri-menteri.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tugas-tugas Setiausaha Parlimen, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 43B(2) Perlembagaan, ialah membantu Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri di dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka.

Tugas-tugas Setiausaha Politik pula, mengikut Fasal 43C(4) Perlembagaan, adalah ditentukan oleh Jumaah Menteri. Jumaah Menteri telah menentukan tugas-tugasnya seperti berikut:

- (i) Kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas seseorang Setiausaha Politik hendaklah semata-mata tertumpu kepada kerja-kerja yang bercorak politik sahaja.
- (ii) Kewajipan dan tugas-tugas seseorang Setiausaha Politik itu tidak boleh meliputi apa-apa tindakan yang berhubung dengan perjalanan atau urusan pentadbiran mana-mana Jabatan Kerajaan, ataupun mana-mana perkara yang termasuk dalam tanggungjawab pegawai-pegawai perkhidmatan awam.

PUSAT PEMBUNGKUSAN SEMULA

15. **Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada pusat-pusat pembungkusan semula (*reparcelling centres*) dapat diadakan di bandar-bandar di sempadan Malaysia/Thai untuk mencegah kejadian menyeludup dadah atau senjatapi melalui bungkusan-bungkusan barang dan tong-tong ikan yang dibawa masuk dari negeri Thai.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, pusat pembungkusan semula telahpun mula dijalankan dan akan ditambah lagi di bandar-bandar di sempadan Malaysia/Thai untuk mencegah kejadian menyeludup dadah atau senjatapi melalui bungkusan-bungkusan barang dan tong-tong ikan yang dibawa masuk dari negeri Thai.

Buat pada masa ini satu tempat pemeriksaan rapi, khas bagi ikan telah dibina di Changloon. Dengan ruangan-ruangan baru yang disediakan di Kompleks Kastam dan Imigresen di Bukit Kayu Hitam, tempat pemeriksaan khas bagi ikan di Changloon akan dipindahkan ke sana pada awal tahun hadapan. Di Kroh pula, satu bangunan baru bagi Kastam dan Imigresen telah juga dibina dengan ruangan yang lapang bagi membolehkan barang-barang dipunggah keluar untuk diperiksa dan kemudiannya dibungkus semula.

Perancangan sedang dibuat bagi pembinaan Kompleks Kastam dan Imigresen di Padang Besar yang mempunyai tempat-tempat khas bagi pemeriksaan ikan dan lain-lain barang yang diimport daripada negeri Thai. Reka-bentuk bagi Kompleks ini telahpun diluluskan, dan akan dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara tidak lama lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, satu Yunit Anjing untuk mengesan dadah juga akan ditempatkan di negeri Kedah bagi ditugaskan di kawasan sempadan.

HASIL LAWATAN MENTERI KE SWEDEN

16. **Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil lawatan rombongan beliau ke Sweden dan negara-negara lain baru-baru ini dalam usaha beliau untuk menarik modal asing ke negara ini dan apakah sambutan yang diperolehi setakat ini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, hasil lawatan rombongan pelaburan yang berada di Eropah baru-baru ini ialah seminar-seminar pelaburan telah diadakan di Sweden, Switzerland dan negeri Belanda. Sebagai ukuran kepada minat yang ditunjukkan kepada seminar-seminar pelaburan yang diadakan, butir-butir yang berikut adalah sebagai bukti:

- (i) Seramai 210 orang peserta dari seluruh Eropah yang mewakili 166 buah syarikat atau pertubuhan telah menghadiri seminar-seminar tersebut; dan
- (ii) Sejumlah 240 permintaan rasmi untuk perjumpaan tertutup di antara peserta-peserta Eropah dengan ahli-ahli rombongan Malaysia telah dicatitkan. Angka-angka ini tidak menunjukkan kejayaan yang sebenarnya dari segi kemasukan pelaburan asing ke Malaysia. Apa yang ditunjukkan ialah minat pada keseluruhannya terhadap peluang-peluang yang wujud di Malaysia.

Dalam hal ini saya ingin menekankan di sini bahawa jika dibandingkan dengan rombongan perdagangan, pencapaian-pencapaian dari rombongan pelaburan biasanya mengambil masa yang lebih lama untuk berhasil. Rombongan-rombongan pelaburan ini pada asasnya adalah bertujuan untuk menanam minat dan juga untuk memberitahu kepada pelabur tentang peluang-peluang, dasar-dasar, peraturan-peraturan dan kemudahan-kemudahan berkaitan dengan pelaburan di Malaysia.

Selain minat yang menyusul dari pihak persatuan-persatuan Eropah, sebuah rombongan perdagangan dari Sweden telah melawat Malaysia untuk mengkaji peluang-peluang pelaburan. Tambahan pula kita telah menerima banyak pertanyaan secara lisan dan juga bertulis dari negara-negara itu.

Di sini saya ingin menegaskan bahawa sekarang adalah terpulang kepada sektor swasta di negara ini untuk tampil ke hadapan dengan langkah-langkah yang lebih cergas terhadap konteks-konteks yang telah dibuat semasa rombongan-rombongan tersebut diadakan.

Saya juga ingin menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini supaya menasihatkan kawan-kawan mereka yang berminat supaya menggunakan peluang-peluang tersebut.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Menteri yang paling rajin sekali melawat ke luar negeri ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Saya suka bertanya setakat ini berapa buah negeri yang telah membuat lawatan bagi menegakkan perindustrian atau perniagaan dalam negeri kita.

Yang kedua, ada berapa buah negeri yang dicadang hendak dilawati. Yang ketiga, saya hendak bertanya berapa buah industri yang telah dibuka oleh negeri-negeri yang telah dilawati yang telah berjanji hendak membuka dalam negeri kita ini. Setakat ini dalam tanahair kita ini berapa buah yang sedang ditubuhkan?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, dengan menyeluruh akan memakan masa yang panjang mengenai berapa buah negara rombongan pelaburan telah dibuat. Pada tahun 1978 Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan sendiri telah memimpin rombongan galakan pelaburan ke Eropah. Bandar-bandar itu ialah Birmingham, Frankfurt, Copenhagen dan Paris. Di Amerika Syarikat, bandar-bandarnya ialah Los Angeles, Houston, New York, Chicago dan Seattle dan juga Jepun, Tokyo dan Osaka.

Pada tahun 1979 Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan telah memimpin 2 rombongan ke Eropah. Bandar-bandarnya ialah Milan, Manchester dan Munich dan satu lagi ke Hongkong. Pada tahun yang akan datang dalam jadual ada dua buah negara-negara yang kita akan menghantar rombongan pelaburan iaitu ke Australia dan New Zealand.

Hasil yang diperolehi, kalau saya baca semua senarai yang mana pelaburan ke Jepun pada tahun 1978 ada 5 buah syarikat daripada negeri Jepun telah buat permohonan dan projeknya telahpun diluluskan. Jumlah modal pelaburan ialah \$65.2 juta dari negeri Jepun sahaja. Dari USA hasil daripada lawatan yang dibuat pada tahun 1978 juga ada 6 buah syarikat. Semua itu boleh dikatakan multi-national seperti General Electric, Uniroyal, General Instrument dan pelaburan berjumlah \$37.3 juta. Eropah dari United Kingdom ada 8 buah syarikat, German Barat ada 2, Perancis ada 2, Scandinavia ada 2. Jadi jumlah pelaburan modal yang ditanam ialah \$108 juta.

HUKUM/UNDANG-UNDANG ISLAM

17. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Perdana Menteri menyatakan memandang kepada jawapan-jawapan yang telah diberikan dalam Dewan Negara pada 13.7.79 dan di Dewan Rakyat pada 16.10.79 bahawa Kerajaan tidak bercadang meminda Perlembagaan Persekutuan untuk melaksanakan Undang-undang Islam, adakah beliau sedar bahawa Kerajaan Pusat serta Kerajaan-kerajaan Negeri tidak akan dapat melaksanakan Hukum-hukum dan Undang-undang Islam dengan sepatutnya dalam menyelesaikan masalah-masalah dan menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan dalam Dewan Rakyat dahulu, kuasa negeri-negeri membuat undang-undang berkenaan dengan Ujama Islam dan bagi orang-orang yang menganuti Ujama Islam, adalah terhadap kepada perkara-perkara yang dibutirkan dalam Seksyen Satu, Senarai Dua, Jadual Sembilan, Perlembagaan Persekutuan. Ini bermakna kuasa-kuasa itu adalah terhadap dan dibuat sedemikian dengan sebab-sebab tertentu.

Saya tidak dapat menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana soalnya itu terlalu umum. Hukum-hukum dan undang-undang Islam yang mana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu? Sungguhpun demikian, kita mestilah bercermat dan mengetahui dengan mendalam implikasi-implikasinya sebelum apa-apa pindaan dibuat ke atas peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan itu.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan. Berhubung dengan jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang meminta supaya hukum mana yang dimaksudkan salah satu daripadanya, misalnya, Kerajaan Negeri tidak dapat melaksanakan hukum zinah walaupun di kalangan orang Islam sendiri, sebagaimana yang dimaksudkan oleh Quran dan Hadis. Jadi, inilah satu daripada contoh bahawa Kerajaan

Negeri itu tidak dapat melaksanakan dengan sepenuhnya tanpa pindaan Perlembagaan. Inilah yang dimaksudkan dengan soalan apakah pendapat pihak Kerajaan Persekutuan hari ini tentang tidak dapatnya pelaksanaan itu dilakukan tanpa pindaan Perlembagaan. Apakah pendapat pihak Kerajaan tidak bersetuju di dalam hal pelaksanaan hukum ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di dalam soalan itu tidak diterangkan apa undang-undang dan hukumannya. Tetapi saya mengetahui daripada soalan yang dahulu Ahli Yang Berhormat itu telah mengemukakan berkenaan dengan hukuman hudud yang kuasa itu berkehendakkan supaya dimasukkan dalam Perlembagaan supaya negeri-negeri boleh membuat peraturannya.

Saya cuma hendak memberi pandangan ini yang saya kata implikasi-implikasi yang kita meneliti dengan mendalam syor-syor yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, umpamanya, berkenaan dengan jenis-jenis kesalahan hudud dan hukumannya dalam perundangan Islam. Kesalahan hudud telah ditetapkan seperti berikut:

Ini fahaman saya yang diberi oleh orang-orang yang mengetahui berkenaan dengan hal ini iaitu kesalahan hudud seperti berikut, mencuri, merompak, zina, menuduh zina, minum arak, murtad.

Hukuman-hukuman ke atas kesalahan-kesalahan ini telah ditetapkan iaitu mencuri, mereka yang mencuri hendaklah dipotong tangan. Merompak, mereka yang merompak hendaklah dibunuh dan disalib atau dipotong tangan dan kaki atau dibuang negeri. Hukum zina, mereka yang melakukan zina, hendaklah dihukum sebat 100 kali atau mengikut Imam Shafie dihukum rejam. Menuduh zina, hukuman mereka yang melakukan kesalahan ini ialah dihukum sebat 80 kali. Minum arak, mereka yang melakukan kesalahan ini dihukum 40 kali sebat. Murtad, orang yang murtad wajib dibunuh. Inilah hukuman-hukuman yang kalau kita mengikut hukuman hudud; sama ada hukuman-hukuman ini kita hendak jalankan di negara kita memandangkan keadaan dan golongan masyarakat yang ada di dalam negara kita ini.

HAK/KEKUASAAN NEGERI-NEGERI DALAM PERLEMBAGAAN

20. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pindaan yang sesuai dapat dibuat kepada Perlembagaan Malaysia supaya :

- (a) hak dan kekuasaan bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak sama dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) rakyat di Semenanjung Malaysia serta rakyat-rakyat di Sabah dan Sarawak bebas melawat ke seluruh negara tanpa menggunakan pasport.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan (a) pada keseluruhannya, memang terdapat persamaan hak dan kekuasaan di antara negeri Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, sepertimana yang termaktub di Jadual Kesembilan, Senarai 2—Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Tetapi di dalam beberapa perkara yang tertentu, seperti yang disebutkan dalam Fasal 95B dan Senarai 2A (Tambalan kepada Senarai Negeri bagi Negeri-negeri Borneo) dan Senarai 3A (Tambahan kepada Senarai Bersama bagi Negeri-negeri Borneo), Jadual Sembilan, Perlembagaan Persekutuan, iaitu, peruntukan-peruntukan khas telah dibuat bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Mengikut Fasal 161 E (2) (c) Perlembagaan Persekutuan, pindaan tidak boleh dibuat atas perkara-perkara itu melainkan persetujuan Yang di-Pertua Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak.

Mengenai soalan (b), sekarang ini rakyat di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan di Sarawak boleh membuat lawatan dengan tidak

menggunakan pasport. Cara yang digunakan sekarang ialah Dokumen Perjalanan Terhad yang telahpun dikuatkuasakan semenjak bulan Mei 1977.

Tuan Yang di-Pertua: Masa soal jawab telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 adalah diberi di bawah ini)

BAYI BUKAN WARGANEGARA YANG DILAHIRKAN DI HOSPITAL MALAYSIA

21. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Kesihatan menyatakan mengikut kaum, berapa banyakkah bayi-bayi yang telah dilahirkan di Hospital Besar Johor Bahru dan juga Hospital Besar di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang mana ibubapa bayi-bayi tersebut bukan warganegara Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Adalah sukar dalam masa yang singkat ini bagi Kementerian Kesihatan mendapat maklumat-maklumat yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalan ini. Walau bagaimanapun Kementerian ini setakat ini hanya dapat memberi bilangan bayi-bayi yang telah dilahirkan oleh warganegara Singapura dalam beberapa buah Hospital Besar sahaja. Walau bagaimanapun jika Yang Berhormat bersetuju kita akan memberi jawapan bertulis selepas mendapat maklumat-maklumat dari Hospital-hospital Besar seluruh negara.

			Tahun	China	Melayu	India	Lain-lain	Jumlah
Hospital Besar Johor Bahru	1978	155	241	17	33	446
			1979	107	199	40	—	346
Hospital Besar Melaka	1978	3	4	—	—	7
			1979	4	4	—	—	8
Hospital Besar Seremban	1978	2	2	—	—	4
			1979	11	9	2	—	22
Hospital Besar Kelang	1978	1	1	—	—	2
			1979	—	2	—	—	2
Hospital Besar Kuala Lumpur	1978	—	—	—	—	—
			1979	—	—	—	—	—

				<i>Tahun</i>	<i>China</i>	<i>Melayu</i>	<i>India</i>	<i>Lain- Lain</i>	<i>Jumlah</i>
Hospital Besar Ipoh	1978	—	—	—	—	—
				1979	—	—	—	—	—
Hospital Besar Pulau Pinang	1978	1	—	—	—	1
				1979	—	—	—	—	—
Hospital Besar Alor Star	1978	—	—	—	—	—
				1979	—	—	—	—	—
Hospital Besar Kangar	1978	1	—	—	—	1
				1979	—	—	—	—	—
Hospital Besar Kota Bharu	1978	1	—	—	—	1
				1979	2	2	—	—	4
Hospital Besar Kuala Trengganu	1978	—	—	—	—	—
				1779	—	—	—	—	—
Hospital Besar Kuantan	1978	—	—	—	—	—
				1979	—	—	—	—	—
Sabah	—	—	—	—	—
Sarawak	—	—	—	—	—

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

4.16 *ptg.*

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sebahagian dari Kumpulanwang Yang Disatukan untuk Perkhidmatan tahun 1980 serta menguntukkan wang tersebut bagi kegunaan perkhidmatan tahun itu" dibacakan pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, dunia hari ini sedang mengalami keadaan ekonomi yang rumit yang tidak ada taranya semenjak kemelesetan ekonomi dalam tahun-tahun 30an dahulu. Di mana-mana pun hari ini keadaan ekonomi lembab tumbuhnya, pengangguran banyak dan inflasi tinggi. Pertumbuhan ekonomi di negara-negara OECD keseluruhannya dijangka akan lebih perlahan lagi sekadar 2.3% dalam tahun 1979 berbanding dengan 2.8% yang dijangkakan sebelumnya.

Dalam tahun 1980, pertumbuhan ekonomi di negara-negara tersebut dijangka menjadi semakin perlahan sekadar 1.3% dari segi se-

benar. Kadar ini merupakan kadar pertumbuhan purata yang paling rendah semenjak rosotan dalam tahun 1975 tatkala negara-negara OECD mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak - 0.4% dari segi sebenar. Ekonomi Amerika Syarikat yang merupakan ekonomi terbesar di kalangan negara-negara OECD sekarang ini dijangka mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak - 1.2% dalam tahun 1980, berbanding dengan ramalan terdahulu yang menjangkakan tiada pertumbuhan ekonomi. Ekonomi United Kingdom juga dijangka mengalami pertumbuhan negatif sebanyak - 0.7% dalam tahun 1980.

Inflasi di negara-negara OECD keseluruhannya dijangka meningkat daripada kira-kira 10% dalam tahun 1979 kepada kira-kira 11% dalam tahun 1980.

Pertumbuhan ekonomi yang lembab dan kadar inflasi yang tinggi telah menimbulkan masalah-masalah yang rumit kepada negara-negara tersebut dalam usaha mereka hendak meningkatkan kegiatan ekonomi mereka. Pengangguran masih berada pada paras yang tinggi. Ini telah menyebabkan beberapa negara

maju mengambil langkah-langkah memper-
lindung perdagangan mereka sehingga men-
jejaskan harapan hendak meningkatkan per-
dagangan di kalangan antarabangsa.

Oleh kerana pengurusan ekonomi di negara-
negara maju kurang baik dan sekata, di-
tambah pula dengan keadaan yang tidak tentu
mengenai bekalan tenaga dan harganya maka
ekonomi antarabangsa bertambah sukar lagi
keadaannya.

Dengan keadaan ekonomi antarabangsa
yang sedemikian, Malaysia, yang mem-
punyai ekonomi terbuka, iaitu 50% dari
KNKnya terdiri dari eksport dan impot,
sudah tentu akan dipengaruhi oleh kesan-
kesan kegiatan ekonomi di negara-negara
perindustrian.

Dengan berkembangnya asas ekonomi di
dalam negeri akibat dasar pelbagaian ekonomi
dan perindustrian, maka ekonomi kita telah
menjadi lebih kukuh dalam beberapa tahun
kebelakangan dan diharap akan dapat me-
nahan kesan buruk dari keadaan ekonomi
yang tidak stabil di negara-negara yang maju.

Dalam Ucapan Belanjawan di Dewan
Rakyat pada 18hb Oktober, 1979, saya me-
nyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi kita
bagi tahun 1979 dapat mencapai kadar 8%
dari segi sebenarnya walaupun harapan
ekonomi dunia adalah lembab. Anggaran ter-
akhir menunjukkan bahawa ekonomi Malay-
sia dijangka menunjukkan prestasi yang lebih
baik dalam tahun 1979 terutamanya kerana
harga barang-barang kita terus baik dan
sektor eksport kita terus maju. Prestasi yang
baik ini amatlah memuaskan, memandang-
kan pertumbuhan ekonomi yang lembab di
negara-negara yang maju.

Imbangan dagangan Malaysia juga dijangka
menunjukkan lebihan yang bertambah besar
dari yang dianggarkan dalam Belanjawan,
iaitu sebanyak \$4,520 juta. Oleh yang demi-
kian, kedudukan imbangan pembayaran kita
pada keseluruhannya akan menjadi lebih
kukuh. Oleh itu wang cadangan bersih
antarabangsa kita tetap teguh dan sudahpun
mencapai paras \$9,175 juta setakat bulan
November ini. Ini ialah \$1,812 juta lebih
banyak dari paras cadangan antarabangsa
pada akhir tahun 1978.

Kadar inflasi kita bagi tahun ini seperti
yang ternyata dalam Angkatunjuk Harga
Pengguna (AHP), telah dapat dikawal. Dalam
sembilan bulan pertama tahun 1979 ini,
Angkatunjuk Harga Pengguna sederhana
sahaja naiknya, iaitu sebanyak 3.5% ber-
banding dengan 5% bagi tempoh yang sama
tahun 1978. Kadar kenaikan inflasi yang
sederhana ini membuktikan kejayaan kita
melaksanakan berbagai langkah fiskal,
kewangan dan pentadbiran yang diambil oleh
Kerajaan untuk membendung inflasi.

Dalam usaha kita memperbaiki sistem
mengawasi perkembangan harga di dalam
negeri, kajian sedang dibuat mengenai ke-
mungkinan memperkenalkan Angkatunjuk
Harga yang baru seperti Angkatunjuk Harga
Pengguna Luar Bandar dan Angkatunjuk
Harga Pengguna Dalam Bandar, dan Angka-
tunjuk-angkatunjuk Harga Barang-barang
Borong dan Runcit. Angkatunjuk-Angka-
tunjuk baru ini adalah perlu memandangkan
perubahan yang pesat dalam corak peng-
gunaan, cita-rasa, dan tabiat membeli-belah
oleh sebab pendapatan rakyat semakin me-
ningkat di segenap lapisan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia
maklum, strategi Belanjawan 1980 bertujuan
menggalkan pertumbuhan ekonomi kita
serta membendung inflasi. Ini mustahak
untuk memastikan keadaan Dasar Ekonomi
Baru. Kita percaya Belajawan akan dapat
mempercepat pertumbuhan ekonomi sambil
membendung inflasi.

Dalam tahun 1974, apabila kadar inflasi
meningkat ke paras 17.4%, kita telah dapat
melawan paras ataupun arus inflasi dengan
jayanya dan kadar inflasi dalam beberapa
tahun yang lepas telah turun ke paras 5%.
Dengan itu kita yakin akan dapat mengguna-
kan pengalaman dan pengetahuan kita untuk
menahan tekanan inflasi dengan jayanya.

Bagi mencapai matlamat-matlamat strategi
Belanjawan, kita telah mengambil langkah-
langkah Belanjawan yang tegas yang termasuk
satu peruntukan perbelanjawan berjumlah
\$20,724 juta dalam tahun 1980 iaitu \$10,868
juta untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$9,856
juta untuk Perbelanjaan Pembangunan.
Selain dari itu, potongan cukai yang besar
sebanyak \$482 juta dan pengurangan-pengu-
urangan cukai dan subsidi sebanyak \$491
juta telah juga disediakan.

Peruntukan besar dalam Perbelanjaan Mengurus adalah perlu untuk mengukuh dan mengembangkan jentera pentadbiran Kerajaan yang sedia ada bagi menjamin kekesanannya, terutama sekali dalam pelaksanaan pelbagai rancangan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Ianya juga adalah dirancang untuk menyediakan bantuan tenaga manusia dan pentadbiran yang diperlukan dalam perancangan dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat kelak.

Tambahan besar telah disediakan bagi perjawatan kakitangan dalam pelbagai agensi Kerajaan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik dan sempurna kepada rakyat. Peruntukan kakitangan yang bertambah untuk pelajaran teknikal dan vokesyenal akan dapat memastikan bekalan tenaga manusia bagi keperluan industri, yang sangat-sangat diperlukan oleh sektor swasta, secara berterusan. Begitu juga tambahan peruntukan kakitangan untuk Bahagian Penguatkuasa di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan menolong memperkuatkan keupayaan pelaksanaan Bahagian tersebut dalam melawan inflasi.

Peruntukan yang bertambah dalam Perbelanjaan Mengurus juga akan membolehkan Kerajaan memberi perkhidmatan sosial yang lebih baik kepada rakyat terutama dalam bidang Pelajaran, Kesihatan dan Perumahan. Dengan peruntukan sebanyak lebihkurang satu-perlima daripada jumlah Perbelanjaan Mengurus disediakan untuk pelajaran, lebih banyak sekolah dan kelas dapat diadakan, terutamanya sekolah-sekolah teknikal dan vokesyenal yang dijangka akan bertambah menjadi 605 buah kesemuanya. Perkhidmatan Kesihatan, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar, akan diperbaiki lagi dengan mengadakan kakitangan dan kelengkapan yang lebih banyak di Klinik-klinik Desa. Kerajaan juga akan mempergiatkan usaha-usahanya bagi menyediakan lebih banyak rumah kepada rakyat, terutama rumah-rumah kos rendah bagi golongan berpendapatan rendah.

Kita tidak akan membiarkan inflasi menjejaskan prestasi ekonomi kita, paras pendapatan sebenar dan taraf kehidupan rakyat negara ini. Memandangkan hal ini, Kerajaan telah menggerakkan semula Jawatankuasa Tetap Pegawai-pegawai mengenai Pencegahan Inflasi, untuk mengawasi dengan rapi keadaan inflasi

dan membuat syor-syor dan dasar bagi mengatasi masalah inflasi. Insya Allah kita akan berjaya.

Jawatankuasa Tetap mengenai Pencegahan Inflasi telahpun membuat beberapa syor yang telah diluluskan oleh Kerajaan bagi dilaksanakan. Syor-syor tersebut yang termasuk langkah untuk menambahkan pengeluaran makanan dan daya pengeluaran sekarang ini sedang dikaji oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan untuk dilaksanakan.

Di antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan sekarang ialah projek-projek untuk menambahkan bekalan makanan khususnya beras dan rancangan "Buku Hijau" serta penggunaan tanah kosong untuk pertanian. Projek-projek ini sedang dilaksanakan oleh Persatuan-persatuan Peladang.

Lebih banyak tanah baru yang mempunyai potensi untuk tanaman padi akan dibuka. Satu kajian permulaan menunjukkan bahawa 45,000 ekar tanah ada mempunyai potensi untuk tanaman padi di Sarawak. Begitu juga di Sabah, terdapat kawasan yang luas yang boleh digunakan untuk tanaman padi dua kali setahun.

Kerajaan juga sedang mengambil tindakan untuk mengawal dan memajukan pasaran ikan di seluruh negara bagi meningkatkan bekalan dan mengawasi harga. Dalam hubungan ini, Majuikan akan memperkenalkan peraturan-peraturan dan perlesenan bagi pasaran ikan di beberapa pusat seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Ipoh, Kuala Kedah, Alor Setar, Kuala Trengganu dan Kuching. Rancangan ini dijangka memberi faedah bukan sahaja kepada pengguna tetapi juga kepada nelayan-nelayan, yang dijangka akan mendapat hasil yang berpatutan dari usaha mereka. Sebagai langkah untuk meningkatkan kesedaran awam, Majuikan akan terus memberi maklumat mengenai harga ikan melalui sebaran am dan juga radio sebagaimana biasa. Tindakan sedang diambil sekarang ini bagi menjamin bekalan daging yang cukup yang akan dijual dengan harga-harga yang berpatutan.

Berhubung dengan bahan-bahan makanan yang lain seperti sayur-sayuran, lada dan lain-lain, usaha-usaha sedang dijalankan sekarang bagi memperbaiki pemasaran keluaran

para petani. Lori-lori dan trak-trak yang dilengkapi dengan alat penyejuk akan digunakan pada tahun depan bagi mengangkut hasil tani ke pusat-pusat pemasaran untuk dijual. Bilik-bilik sejuk juga akan disediakan di pusat-pusat penghasilan dan pemasaran. Adalah diharapkan bahawa kemudahan-kemudahan ini akan dapat memastikan bekalan yang terjamin ke seluruh negara, sambil menjamin harga yang lebih berpatutan bagi para petani.

Kemudahan-kemudahan gudang-gudang simpanan yang saya cadangkan di dalam Belanjawan 1980 bagi menyimpan beberapa jenis bahan makanan seperti buah-buahan, makanan dalam tin dan lain-lain barang pengguna serta alat-alat ganti, alat kelengkapan dan mesin akan dapat menjamin bekalan yang berterusan di seluruh negara. Harga bagi bahan-bahan ini boleh dikekalkan pada paras yang berpatutan oleh kerana ia-nya dapat diimport dengan banyak, kerana sudah ada gudang simpanan.

Kebanyakan daripada langkah-langkah tersebut merupakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan di masa yang lepas bagi melawan inflasi. Langkah-langkah ini adalah merupakan satu langkah berpadu yang digunakan oleh Kerajaan untuk melawan inflasi.

Langkah-langkah yang telah diperkenalkan pada masa lepas termasuk menambahkan bekalan dan mengurangkan harga dengan jalan melonggar dan menghapuskan sekatan-sekatan import atas bahan-bahan binaan asas, larangan eksport atas beberapa jenis kayu-kayan, mengurang dan menghapuskan duti barang-barang mustahak, menggalakkan simpanan wang dengan mengecualikan faedah dari cukai pendapatan dan pemberian subsidi. Dalam usaha menggalakkan simpanan wang, berbagai langkah kewangan telah diperkenalkan. Ini termasuklah perubahan dalam penentuan kadar faedah bank-bank perdagangan kepada satu sistem yang lebih berorientasikan pasaran, menyusun semula susunan mudah tunai dan memperkenalkan dua alat pasaran wang baru yang telah dilaksanakan dalam tahun 1979.

Kerajaan juga terus menguatkuasakan Akta Kawalan dan Bekalan bagi mencegah dan membendung keuntungan berlebihan, kegiatan-kegiatan sorok dan spekulasi mengenai barang-barang keperluan. Lain-lain langkah pentadbiran yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menghalang kenaikan harga yang

berlebihan termasuklah penubuhan Jawatankuasa Kajian Semula pada tahun 1975 bagi mengkaji semula permohonan-permohonan untuk menaikkan harga oleh para pengilang sebelum kenaikan harga diluluskan dan penubuhan Jawatankuasa Bersama dalam bulan Januari 1979 di antara Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi mengkaji barang-barang tertentu untuk menentukan harga yang berpatutan.

Sejajar dengan strategi Belanjawan kita untuk menggalakkan pertumbuhan dan melawan inflasi, kita telah mengemukakan potongan cukai yang besar, iaitu yang terbesar di dalam sejarah negara. Kita juga telah memberi berbagai-bagai galakan untuk memperkembang perusahaan yang baru dan yang sedia ada. Langkah-langkah ini telah mengambil kira permintaan-permintaan sektor swasta dan orang awam. Oleh yang demikian, Kerajaan bagi pihaknya telahpun memberi segala bantuan yang perlu. Terpujulah kepada sektor swasta mengambil sikap yang positif untuk mengambil kesempatan sepenuhnya dari galakan-galakan yang telah diberi oleh Kerajaan.

Langkah-langkah Percukaian

Penerangan lengkap mengenai langkah-langkah percukaian ada terkandung di dalam Ucapan Belanjawan saya yang saya percaya sudah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Memadailah sekiranya saya menyentuh langkah-langkah yang terpenting dari segi menggalakkan pertumbuhan perindustrian dan meningkatkan pendapatan yang boleh dibelanjakan oleh semua golongan yang membayar cukai.

Untuk menggalakkan perkembangan perindustrian, elaun susutan yang dipercepatkan terdiri daripada elaun permulaan sebanyak 20% dan elaun tahunan sebanyak 80%, adalah dilanjutkan sehingga tahun taksiran 1983. Begitu juga dengan elaun pelaburan semula iaitu sebanyak 25% yang dahulunya dibenarkan sehingga tahun taksiran 1982 kini dilanjutkan lagi sehingga tahun taksiran 1983. Untuk mereka yang menjalankan perniagaan mengeksport, corak-corak elaun eksport yang lebih menggalakkan telah disusun. Untuk membantu pelabur-pelabur di dalam perusahaan menanam semula kayu-kayan, Kerajaan telah memutuskan bahawa kayu-kayan

yang ditanam diberi taraf "tanaman yang dibenarkan" supaya ianya layak mendapat elaun-elaun untuk tanaman yang dibenarkan. Untuk mereka yang menjalankan perniagaan mengeluarkan barangan seperti getah, minyak kelapa sawit, lada dan bijih timah, cukai eksport telah disusun semula dengan menggunakan pendekatan selepas kos atau "cost-plus approach" dan memperuntukkan bahawa tambahan maksima cukai eksport tidak melebihi 50%. Langkah percukaian juga dibentuk untuk meningkatkan pendapatan yang boleh dibelanjakan oleh semua golongan yang membayar cukai. Dengan itu pelepasan orang-orang perseorangan telah dinaikkan menjadi \$5,000 dan pelepasan isteri sebanyak \$2,000. Bagi mereka yang berpendapatan lebih tinggi kadar cukai telah diturunkan sebanyak 5 mata peratusan.

Garis-garis panduan untuk galakan cukai bagi penyusunan semula syarikat

Untuk faedah bakal-bakal pemohon, perlulah saya terangkan lebih lanjut tentang skim galakan cukai yang saya umumkan di dalam Belanjawan untuk syarikat-syarikat yang menyusun semula permodalan, gunatenaga dan sistem pemasaran mereka menurut Dasar Ekonomi Baru. Jenis-jenis syarikat yang layak mendapat galakan cukai ialah:

(1) Pertama, syarikat yang menyusun semula permodalannya. Pengecualian sebanyak 5 mata peratusan dari 40% cukai pendapatan syarikat akan diberikan kepada:

(a) sebarang syarikat yang ditubuhkan di Malaysia yang mempunyai modal saham yang dikeluarkan dan dibayar dan yang dimiliki sepenuhnya oleh warganegara Malaysia termasuklah sekurang-kurangnya 30% dimiliki oleh kepentingan Bumiputra.

(b) sebarang syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dengan sekurang-kurangnya 70% daripada modal sahamnya yang dikeluarkan dan dibayar, dipunyai oleh warganegara Malaysia termasuklah sekurang-kurangnya 30% dipunyai oleh kepentingan Bumiputra;

(c) sebarang syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dengan sekurang-kurangnya 51% daripada modal sahamnya yang dikeluarkan dan dibayar, dipunyai oleh kepentingan Bumiputra dengan syarat syarikat tersebut bukanlah hasil dari penyusunan semula atau cantuman dengan mana-mana syarikat atau badan perniagaan di Malaysia yang dipunyai sepenuhnya ataupun yang dipunyai secara majoriti oleh kepentingan asing; dan

(d) sebarang syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dengan sekurang-kurangnya 70% daripada modal sahamnya yang dikeluarkan dan dibayar, dipunyai oleh warganegara Malaysia termasuklah sekurang-kurangnya 51% dipunyai oleh kepentingan Bumiputra, sebagai hasil dari pengambilan atau cantuman dengan sebuah syarikat atau badan perniagaan di Malaysia yang dipunyai sepenuhnya atau dipunyai secara majoriti oleh kepentingan asing.

(2) Kedua, syarikat yang menyusun semula gunatenaga dan sistem pemasarannya.

Pengecualian sebanyak 5% cukai pembangunan akan diberikan kepada mana-mana syarikat atau badan perniagaan di Malaysia yang mempunyai:

(a) susunan gunatenaga yang mencerminkan kandungan penduduk berbilang kaum di negara ini di semua peringkat jawatan sehingga ke peringkat-peringkat penguurusan; dan/ataupun

(b) sekurang-kurangnya 30% dari jualan di dalam pasaran tempatan diuntukkan kepada pengedar-pengedar bumiputra.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah bersejua bahwa langkah-langkah yang saya sebutkan tadi adalah amat menggalakkan dan akan mendorong sektor perindustrian untuk melabur.

Kesan Belanjawan 1980 telah dilaporkan sebagai menggalakkan. Kajian perusahaan yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia selepas sahaja pembentangan Belanjawan 1980 menunjukkan bahawa langkah-langkah Belanjawan mempunyai kesan yang baik ke atas perniagaan amnya di negara kita ini. Sebahagian besar dari sektor perniagaan yang diliputi oleh kajian ini menunjukkan bahawa industri-industri akan memesatkan lagi rancangan pelaburan mereka memandangkan kepada galakan-galakan baru yang diberi itu. Ini jelas menunjukkan bahawa keadaan ekonomi di masa akan datang adalah baik dan seterusnya mengesahkan pendirian Kerajaan bahawa strategi Belanjawan 1980 akan membawa kepada perkembangan yang berterusan di dalam ekonomi kita di dalam keadaan inflasi terbandung.

Perbelanjaan Pembangunan

Bagi pihaknya Kerajaan akan terus memberi pimpinan dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan kemiskinan. Sejumlah besar sebanyak \$1,600 juta telah diperuntukkan bagi memperbanyakkan kemudahan-kemudahan asas dan perkhidmatan di sektor pertanian. Ini termasuklah projek-projek parit dan taliair di seluruh negara yang menggunakan sistem pengeluaran dan pemasaran berpadu bagi meningkatkan pendapatan petani-petani. Belanjawan telahpun menyediakan peruntukan yang lebih besar kepada Lembaga Pertubuhan Peladang bagi melaksanakan berbagai projek yang melibatkan pertanian dan pemasaran secara kumpulan dan kerjasama. Kerajaan tidak juga melupakan sumbangan dan keperluan pekebun-pekebun kecil getah dan akan terus memberi bantuan subsidi tanaman semula. Sehingga ini sejumlah 1.2 juta ekar tanaman getah dan kelapa sawit telahpun dimajukan oleh FELDA. Dalam Belanjawan 1980 sejumlah \$489 juta telah diperuntukkan kepada FELDA untuk memajukan seluas 110,000 ekar lagi tanah bagi tanaman getah, kelapa sawit dan koko.

Rancangan untuk membesarkan pelabuhan akan terus dipercepatkan supaya pengendalian eksport dan import dapat diuruskan dengan lebih licin dan lebih baik. Langkah ini akan membantu memajukan lagi pembangunan ekonomi negara. Ini juga akan membolehkan pertambahan dalam bekalan makanan dan

bekalan-bekalan lain seperti baja yang diperlukan dengan banyaknya di kawasan-kawasan luar bandar.

Untuk memenuhi perkembangan pesat di bidang pengangkutan bagi perkhidmatan penumpang dan barang-barang, lapangan-terbang-lapanganterbang dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengannya di seluruh negara akan terus dibesarkan dan mutunya dibaiki serta dipertingkatkan terutamanya sekali bagi alat-alat panduan lalulintas seperti radar dan alat-alat sistem pendaratan. Kemudahan-kemudahan yang lebih baik akan membolehkan perjalanan yang lebih cepat dan cekap untuk rakyat terutama sekali ahli-ahli perniagaan yang akan membawa kepada perkembangan pelaburan swasta di negara ini. Ini juga akan memberi sumbangan kepada usaha-usaha Kerajaan di dalam menggalakkan pelancungan.

Usaha-usaha yang lebih giat akan terus dijalankan untuk mempercepatkan rancangan mengadakan bekalan elektrik khasnya di kawasan-kawasan yang paling mundur dari segi ekonominya, supaya dapat menjamin bekalan tenaga elektrik kelak mencukupi untuk memenuhi pertumbuhan industri yang pesat, pembangunan bandar dan usaha-usaha memodenkan kawasan-kawasan luar bandar, serta memperbaiki penghidupan di kawasan-kawasan luar bandar, serta memperbaiki penghidupan di kawasan-kawasan terpencil.

Kerajaan akan terus mengembangkan dan memajukan perkhidmatan telekom di negara ini. Ini akan menentukan supaya perkhidmatan telekom cukup disediakan bagi membolehkan perniagaan dan perusahaan bergerak dengan cekapnya, terutamanya dalam hal meningkatkan pelaburan dan perdagangan antarabangsa dan perkembangan ekonomi secara menyeluruh.

Dasar Kewangan

Mengenai dasar kewangan, saya suka menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan berazam untuk menjamin bahawa sumber-sumber kewangan dalam sistem bank mencukupi bagi membolehkan pengembangan kredit bank pada kos yang berpatutan untuk mengekalkan pertumbuhan kegiatan ekonomi keseluruhannya. Pada pendapat saya faktor-faktor asas yang ada sekarang ini tidak memerlukan kenaikan dalam kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman pada masa ini. Sebenarnya mudah tunai dalam sistem bank

terus dikekalkan pada paras yang memuaskan, supaya badan-badan perniagaan khususnya boleh mengharapkan bantuan dari sistem bank untuk pembiayaan pengeluaran dan keupayaan produktif pada kos yang stabil, walaupun terdapat kadar faedah yang tinggi di luar negeri. Keazaman ini di tujukan terutama sekali kepada para pengusaha yang bermastautin di negara ini.

Dalam hubungan ini, bank-bank perdagangan mempunyai tanggungjawab untuk menentukan bahawa kredit yang ada pada kos yang lebih rendah tidak disalahgunakan atau disalurkan bagi membiayai kepentingan di luar Malaysia. Selanjutnya syarikat-syarikat bukan-pemastautin yang menjalankan kegiatannya di Malaysia tidak sepatutnya menjangka untuk memperolehi kredit yang murah di Malaysia sebagai pengganti sumber pembiayaan mereka dari luar negeri. Kita mengharapkan agar syarikat-syarikat ini bertindak secara bertanggungjawab dengan membawa balik terimaan eksport pada masa tertentu dan dengan mengekalkan campuran sumber-sumber kredit dalam dan luar negeri dalam membiayai kegiatan mereka di Malaysia. Sebarang penyalahgunaan keistimewaan menggunakan saluran kredit di Malaysia melalui apa juga caranya, termasuk penyelewengan mengenai kira-kira antara syarikat, akan menjejaskan keupayaan mereka mendapat sumber kewangan di Malaysia pada masa hadapan bagi apa tujuan sekalipun.

Pada keseluruhannya, kesan faedah Belanjawan ke atas pendapatan dan pengeluaran ekonomi negara adalah lebih berganda-ganda lagi banyaknya. Adalah dianggarkan bahawa langkah-langkah percukaian akan menghasilkan pendapatan yang bertambah di tangan pembayar cukai sebanyak \$1,000 juta. Pendapatan tambahan yang besar sebanyak \$1,000 juta ini bersama dengan peruntukan perbelanjaan Belanjawan yang besar berjumlah kira-kira \$21,000 juta sudah tentu mempunyai kesan yang besar ke atas pertumbuhan ekonomi dan kestabilan harga. Oleh yang demikian, ekonomi dalam tahun 1980 dijangka akan berkembang dengan baiknya walaupun terdapat kedudukan ekonomi antarabangsa yang buruk. Oleh itu kita juga boleh terus mengukuhkan langkah-langkah kita mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat.

Ekonomi Malaysia telah diramalkan berkembang dalam lingkungan 6-7% dari segi sebenar dalam Belanjawan 1980. Kadar ini adalah lebih perlahan dari pertumbuhan yang dianggarkan bagi tahun 1979 oleh kerana sektor eksport dijangka meningkat dengan perlahan berikutan dari pertumbuhan yang lembab dalam permintaan dari negara-negara perindustrian utama. Dengan terdapatnya kesan-kesan perkembangan berikutan dari langkah-langkah Belanjawan 1980, terutamanya dari pengurangan cukai dan peruntukan Belanjawan yang lebih tinggi, ekonomi kita dijangka berkembang seperti yang telah diramalkan dalam Belanjawan. Saya ingin menjelaskan juga bahawa ekonomi kita mungkin mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik lagi dari yang diramalkan sekiranya keadaan ekonomi antarabangsa tidak merosot lagi dari apa yang dijangkakan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai maklum matlamat-matlamat utama dari Strategi Belanjawan, 1980 ini ialah menggalakkan kegiatan-kegiatan masyarakat supaya ekonomi kita terus bertumbuh dan maju dan supaya bencana inflasi dapat dibendung. Akan tetapi strategi ini melibatkan tanggungjawab bersama, keazaman yang kolektif, dan tindakan-tindakan yang tegas dari segenap lapisan masyarakat dari pihak Kerajaan, dari pihak swasta, dari pihak rakyat jelata dan lain-lain lagi.

Di dalam strategi Belanjawan ini, Kerajaan mengadakan beberapa langkah yang tertentu dan tegas supaya pertumbuhan ekonomi tidak berlaku di kawasan bandar semata-mata, tetapi berlaku di kawasan luar bandar juga selaras dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru. Langkah-langkah yang tegas juga telah diatur supaya pihak swasta memainkan peranan yang lebih positif dan dinamis bagi memastikan pertumbuhan ini.

Akan tetapi segala pertumbuhan yang dirancangkan ini akan terjejas kalau inflasi tidak dapat dibendung. Janganlah kita mudah dipengaruhi oleh momok inflasi. Tetapi Alhamdulillah, Kerajaan telah dapat membuktikan bahawa dengan melaksanakan langkah-langkah kewangan, langkah-langkah percukaian Belanjawan, dan langkah-langkah pentadbiran, inflasi dapat dibendung pada paras yang menakjubkan dunia.

Kerajaan telah dapat membuktikan bahawa rakyat tidak harus takut kepada inflasi, kerana inflasi adalah suatu penyakit buatan manusia. Dan oleh kerana ia adalah buatan manusia maka ia akan dapat dikawal oleh manusia juga. Oleh itu, rakyat haruslah mengubah sikapnya terhadap inflasi dan janganlah berserah kepada takdir sahaja. Janganlah membiarkan inflasi bermaharajalela di negara kita ini. Janganlah membiarkan Kerajaan sahaja memperjuangi inflasi. Rakyat hendaklah mengikis rasa ketakutan terhadap inflasi ini dari jiwa mereka dan mara ke hadapan beramai-ramai memerangi inflasi dengan tekad waja yang pernah kita gunakan di dalam perjuangan kita menuntut kemerdekaan dan melumpuhkan cita-cita komunis yang hendak berkuasa di negara kita dahulu.

Saya amat gembira membaca berita baru-baru ini yang mengatakan gerakan penguna di beberapa buah negeri sedang membuat rancangan menubuhkan barisan-barisan bertindak di kampung-kampung untuk menentang kenaikan harga dan amalan perniagaan yang tidak adil. Saya menyokong gerakan ini sepenuh-penuhnya dan Kerajaan akan mengadakan bantuan-bantuan yang perlu supaya gerakan ini merebak dan berakar-umbi di seluruh negara, di dalam waktu yang sesingkat-singkatnya.

Saya perlu menegaskan di sini bahawa kejayaan gerakan membendung inflasi ini amat bergantung kepada kerjasama yang penuh dan meluas dari rakyat. Sungguhpun Kerajaan boleh berikhtiar sedaya upayanya menentang inflasi, tetapi segala ikhtiar ini akan lemah dan lumpuh kalau rakyat boros dan gila bergaya. Cara hidup yang tidak semestinya bermakna hidup mancah, berjoli dan bergaya. Hikmatnya banyak, kalau kita pilih cara hidup yang serba mudah dan sederhana yang membawa kesihatan jasmaniah dan rohaniah yang berasaskan akhlak yang tinggi dan murni. Kita selalu susah kalau kita suka membuang duit pada benda-benda dan perkara-perkara yang tidak mustahak. Dan kesusahan ini boleh meruncing di dalam suasana inflasi. Bahkan perangai boros yang keterlaluan memang menolong menambahkan inflasi. Oleh itu, janganlah boros sangat. Pilihlah gaya hidup yang lebih mudah dan sederhana supaya kita dapat berjimat dan simpan wang, supaya inflasi tidak dapat bermaharajalela dan supaya kita tidak menderitanya dari bencananya.

Marilah kita sama-sama akui bahawa kita hari ini menghadapi suatu cabaran yang hanya dapat ditentangi dengan jayanya melalui tindakan bersama yang terbit dari semangat keazaman yang kolektif untuk memajukan lagi pertumbuhan ekonomi kita dan membebaskan diri dan jiwa kita dari bencana inflasi. Berkat kerjasama yang tekad dari segenap lapisan masyarakat, saya yakin kita sama-sama dapat menjadikan tahun 1980 suatu detik sejarah yang membawa kita ke arah kemakmuran dan kesejahteraan hidup rakyat yang sama-sama kita idami, dan insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan (*Tepuk*).

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Yang Disatukan untuk Perkhidmatan bagi tahun 1980 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.55 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Budget yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh, Menteri Kewangan kita.

Saya memberi tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Mulia itu oleh kerana apa yang dikatakannya tadi adalah benar belaka, tetapi saya suka untuk membawa sedikit sebanyak pandangan saya terhadap Budget tahun 1980 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang akui iaitu pertumbuhan iktisad kita pada tahun 1980 lebih baik lagi daripada tahun 1979 menengokkan inflasi yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi cuma 3.5% sahaja, dengan sebab itu kalau dibandingkan dengan tahun 1978 maka tentulah kita dapati iaitu lebihkurang 1.5% naiknya inflasi itu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka menekankan iaitu oleh kerana kita berkehendakkan inflasi ini dikurangkan—tadi dalam soalan saya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, saya telah mengatakan iaitu harga simen misalnya, ini kalau kita pandangan apa Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh mengatakan tadi bahawa rakyat dan Kerajaan terpaksa bekerjasama untuk menentang inflasi terutama sekali mengenai dengan bahan-bahan binaan. Oleh itu di dalam rancangan kita tahun yang akan datang mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh tadi, kita akan membina beberapa banyak rumah-rumah orang-orang miskin dan bahan-bahan binaan ini adalah mustahak sekali.

Pada tahun yang lalu kita sama-sama tahu iaitu kilang-kilang simen ini ada empat di Malaysia. Ini bukan tidak ada buktinya tetapi ada buktinya. Bulan ini kilang itu mengatakan kilangnya rosak. Dua bulan lagi di sana mengatakan kilang itu rosak, bulan yang akan datang di lain tempat pula mengatakan kilangnya rosak, mendesak Kerajaan supaya menaikkan harga simen. Ini satu daripada yang saya katakan bagaimana kita hendak menentang inflasi tadi supaya jangan dapat kapitalis-kapitalis yang besar menekan negara kita, sebagaimana yang terjadi di negeri-negeri asing, sebagaimana terjadi di negeri Jepun, iaitu kapitalis-kapitalis yang besar ini boleh menekan Kerajaan, boleh memainkan Kerajaan.

Perkara ini jangan terjadi kepada negara kita, Tuan Yang di-Pertua, tetapi nampak-nampaknya akan terjadi bagaimana yang dibuat oleh kilang-kilang yang besar itu. Akhirnya Kerajaan terpaksa tunduk dan memanggil mereka itu. Kalau tidak, shortage di sana, kurang bahan di sini. Rakyat nanti mengatakan: bagaimana pihak Kerajaan ini, simen tak cukup, binaan Kerajaan tak dapat menjalankan. Kerajaan terpaksa tunduk kepada permintaan mereka menaikkan harga. Itu memanglah sebenarnya Menteri yang bertanggungjawab mengatakan kepada kita: Oh! kita sudah tengok, kita sudah kaji, kita sudah siasat dan sebagainya tetapi kalau kita menengok bagaimana kenaikan itu sampai 30% itu tak menasabah daripada \$5 satu beg sampai naik kepada \$6.50 satu beg, naik \$1.50. Cuba kita kaji bersama-sama, cuba kita tengokkan bersama-sama, Tuan Yang di-

Pertua. Itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi iaitu kita terpaksa bekerjasama dengan Kerajaan.

Saya sebagai Ahli Dewan Negara, salah seorang daripada rakyat, saya terpaksa kemukakan perkara ini dan Kerajaan jangan cuba menjawab: Oh! ini kita sudah kaji dengan sebaik-baiknya.

Perkara ini sebenarnya terpaksa dikaji sedalam-dalamnya, kita terpaksa menengokkan kira-kira mereka (syarikat-syarikat simen itu), kira-kira untung dan rugi mereka pada tahun-tahun yang lepas, bagaimana permainan mereka terhadap kita untuk keuntungan mereka begitu banyak sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan ini ditempoikan selama 15 minit.

Persidangan ditempoikan pada pukul 5.02 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.22 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyambung ucapan.

5.22 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambung ucapan saya tadi, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah bertanggungjawab di atas kenaikan harga bahan simen hingga sampai 30%. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi kita mesti sekat supaya jangan ada kenaikan barang-barang ini sampai begini oleh kerana tekanan-tekanan daripada kapitalis yang besar, gergasi (giant) kapitalis. Adakah Kerajaan patut tunduk kepada tekanan ini atau tidak? Kalau tidak tunduk, kerja tidak boleh jalan, factory akan mengalami kekurangan barang-barang ini, sebagaimana diesel sampai sekarang tidak dapat buat apa-apa, kerana kekurangan di sana sini sampai sekarang.

Kerajaan tidak mengkaji dengan mendalam, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab tidak mengkaji sedalam-dalamnya dan menengokkan Profit and Loss Account di

dalam tempoh berapa tahun, keuntungan-keuntungan yang dicapai oleh kilang-kilang ataupun firma-firma tersebut. Pihak Kementerian terpaksa bertanggungjawab kepada rakyat seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi.

Apa yang saya cakap ini bukannya Raja Nong Chik yang bercakap tetapi adalah orang ramai yang bercakap, yang beritahu kepada saya. Jangan nanti dikata Raja Nong Chik pandai-pandai bercakap, pedulikanlah dia, biarkanlah dia bercakap. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nanti mengatakan: Bukan begitu. Apabila Wakil Rakyat bercakap ataupun Ahli Dewan Negara bercakap mesti diambil tindakan yang berat di atas perkara ini kerana kami bercakap bukan kerana dapat elaun \$1,000 datang bercakap di sini—tidak, kami bercakap oleh kerana mahu bercakap perkara yang benar berlaku.

Adakah disemak betul-betul kenaikan 30% ini, kalau 10%, 5% atau 6% naik tidak mengapa. Sampai hari ini berbagai-bagai perbuatan dilakukan oleh mereka, hinggan transport untuk ambil simen daripada factory tidak boleh pula. Mula-mula boleh katanya tetapi kemudian tidak boleh. Tidak boleh ambil terus simen daripada factory, terpaksa dia pula menghantar menyebabkan kos simen satu beg telah naik pula kerana dia menghantar ke tempat-tempat ini tadi.

Dalam masa soal-jawab tadi, saya telah mengatakan di Rawang simen dibeli dengan harga \$7.20 - \$7.60, harga yang diletakkan \$6.50; jadi berapa telah naik? Ini tidak boleh dinafikan. Kita hendak menekan gergasi yang mana dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi, kita mesti bekerjasama kalau kita bekerjasama, Menteri yang bertanggungjawab mestilah memanggil, misalnya, orang-orang yang ada terlibat dalam perkara ini seperti contractor's association, association bahan-bahan binaan, dipanggil berunding bagaimana keadaan yang sebenarnya. Jangan didengar kepada mereka sahaja atau laporan dari pegawai-pegawai Kementerian yang mengatakan diesel ada, simen ada tetapi sebenarnya tidak ada. Di Johor tidak dapat, simen satu beg \$8.20. Ini perkara benar tetapi kalau tanya Menteri tentu Menteri diberitahu oleh Kementerian mengatakan ada. Rakyat akan mengatakan apa yang dibuat oleh Menteri, apa sebabnya naik sampai \$1.50?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan ini oleh kerana jangan dapat tekanan-tekanan yang begini berlaku lagi dan perkara ini mesti dikaji semula dan diturunkan harga simen ini sebab seperti apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi iaitu simen satu beg tidak ada sebab harga rumah naik. Berapa peratus simen hendak dipakai untuk sebuah rumah batu, bukan satu beg. Kalau pakai satu beg simen, kenaikan \$1.50 tidak menjadi hal tetapi berapa ribu beg yang dipakai untuk sebuah rumah, satu jambatan, satu pelabuhan, satu projek pembinaan Kerajaan yang besar. Kalau harga simen naik, harga besi pun naik, makanan naik semuanya naik. Ini siapa yang hendak disalahkan? Tuan di-Pertua, apa yang kita katakan ini adalah perkara benar.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua dalam perkara membasmi kemiskinan iaitu di segi perumahan. Begitu juga yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi kita dalam tahun yang akan datang berkehendakkan lebih banyak lagi perumahan untuk orang-orang miskin. Orang kaya tidak usah pedulikan sangat, mereka ada duit, mereka boleh buat rumah, tidak menjadi hal kepada mereka tetapi rancangan-rancangan hendaklah dibuat untuk orang miskin. Sebab kalau ramai orang yang miskin, fahaman komunis akan berkembang di mana rakyat yang menderita. Rakyat kita memang tidak berapa menderita tetapi kalau tidak ada perumahan mereka akan bersungut mengatakan sudah berapa lama tinggal di sini menjadi warganegara tetapi masih susah, kais pagi makan pagi, gaji \$4 - \$5 sehari, rumah pun tidak ada, anak tidak dapat berteduh dan duduk bersettingan selama-lamanya. Itulah sebabnya Kerajaan mesti membuat rancangan-rancangan perumahan untuk mereka. Bila kita bertanya menyatakan developer tidak menyediakan rumah-rumah yang selalu Kerajaan menyebelahi kepada developer-developer ini dengan menyatakan Kerajaan tidak dapat menyuruh developer-developer mendirikan rumah-rumah murah seperti dikehendakki oleh rakyat dan Kerajaan untuk orang-orang miskin. Mustahil Kerajaan Negeri dan Federal tidak boleh menentukan untuk developer mendirikan rumah murah betul-betul berharga \$8,000-\$12,000 sahaja. Rumah-rumah yang dibina oleh developer yang dikatakan untuk orang

miskin adalah \$30,000 sampai \$40,000 sebuah. Developer ini untung betul, dia membuat association yang besar, Kerajaan takut kepada developer ini. Barangkali ada Senators, Members of Parliament ini jadi developer sama, jadi jangan dengar aduan orang ramai. Jadi dia naikkan juga harga rumah-rumah ini. Mana ada developer mahu membuat dengan harga pada hari ini di antara \$12,000-\$13,000? Melainkan \$28,000-\$30,000-\$40,000. Sekarang di Kuala Lumpur harga rumah naik. Di Bungsar rumah teres (link houses) dari \$100,000. Rumah orang \$60,000 sekarang \$100,000. Rumah orang miskin tiada. Ini Kementerian Perumahan mestilah melihatkan, jangan selalu apabila ditanya mempertahankan developer dan menjawab menyatakan negeri kita bebas, dengan sebab itu mereka boleh buat apa rumah sahaja. Bebas ini kalau kita tidak beri lesen dia tidak boleh bebas buat rumah. Jadi di dalam lesen itu mesti dibubuh, buat rumah semurah-murahnya \$12,000 sebuah untuk keperluan orang miskin. Itulah caranya membuat rumah semurah-murahnya untuk menolong Kerajaan kita.

Kalau developer-developer ini tidak tolong Kerajaan apabila masuk komunis ke negeri ini, kalau Kerajaan diperintah oleh komunis macam Vietnam, jangan harap mereka-mereka boleh duduk dalam negeri ini, mereka akan cabut lari lintangpukang dengan perahu tongkang, boat meninggalkan negeri ini. Apa yang kita lihat sekarang orang-orang pelarian Vietnam yang kita lihat di Jalan Sungai Besi itu banyak diletakkan oleh Kerajaan, begitu akan jadi kepada kita jikalau kita tidak ingatkan developer dan orang kaya tidak ingat kepada orang miskin. Kalau Kerajaan tidak ingatkan perkara ini kepada developer-developer adakah mereka hendakkan komunis memerintah negara ini? Senang sahaja, orang Melayu apa peduli, kalau kita tidak beragama Islam apa kita peduli, datang komunis perintahkan, orang Melayu miskin. Apa yang ada? Gigi dengan lidah. Tetapi oleh kerana kita beragama Islam, kita percaya wujudnya Tuhan kita tidak mahu faham atheis ini, fahaman komunis yang tidak percaya kepada wujudnya Tuhan ini, tetapi orang-orang yang lain ini kalau hendak berniaga di sini mestilah tolong Kerajaan membasmikan kemiskinan, perumahan ini adalah satu daripadanya. Ini kita lihat apa yang dikatakan oleh Menteri Dalam Negeri dahulu di dalam

Dewan Rakyat mengatakan ada di masa darurat banyak orang-orang kita bersikap, pedulilah! Kita tolong komunis yang dalam hutan kita takut kepada komunis, nanti harta kita habis sekiranya tak tolong mereka. Tolonglah komunis apa salahnya harta kita terselamat dan kita pura-pura tolong Kerajaan. Orang-orang ini komunis, beri beras beri makan, beri duit sebab ada yang bekerja dalam hutan ambil balak, beri duit kepada komunis dalam hutan, beri makan biar dia berkembang kalau Kerajaan dapat tahu larialah ke negeri asalnya. Ini tidak boleh dibuat, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang lain mesti ingat apa telah terjadi kepada Vietnam. Orang-orang berniaga semuanya lari, yang datang itu bukannya yang miskin, semuanya kaya, pergilah jumpa mereka. Adakah orang yang miskin yang datang? Semuanya yang kaya-kaya yang datang dengan goldbarnya dan sebagainya, mereka lebih baik lari daripada mereka mati tinggal di Vietnam. Sebab apa, tidak ada kebebasan di Vietnam. Tidak boleh mempunyai harta, tidak boleh berniaga. Saya juga pergi ke Komunis China, hendak berniaga? Tuan Pengerusi hendak berniaga? Di Negeri Komunis tidak boleh hendak berniaga. Tidak boleh. Semuanya Kerajaan punya, individu perseorangan tidak boleh berniaga langsung.

Dengan kebebasan ini kita mencintai kemerdekaan. Kalau kapitalis ini cintakan kemerdekaan dan kebebasan maka orang ini mesti menolong Kerajaan balik. Ini yang kita kehendaki. Tetapi berapa banyak, seruan daripada bekas tentera minta pertolongan. Berapa banyak mereka yang taat, setia, makmur dan kaya telah pergi menderma dengan sukarela, berapa dia?—Bekas Ketua Turus Angkatan Tentera ada di sini. Berapa orang sukarela yang ada pedulikanlah orang ini. Tetapi orang inilah yang menyabung nyawa mempertahankan negeri sebelum negeri ini mewah, senjata dihadapi di dalam hutan belantara, berapa anak yatim yang tinggal, berapa janda ada, berapa emak bapak yang tinggal yang tidak dapat menanggung sara hidupnya kerana anak-anak mereka mati dalam hutan mempertahankan negeri ini. Berapa banyak yang datang hendak serah berapa ribu ringgit dengan sukarela, berapa ada? Melainkan kalau adapun menunjukkan sahaja, ambil chek tangkap gambar, dakyah depan Menteri-menteri. Kita tidak hendak begitu. Kita hendakkan benar-benar

bertanggungjawab bukan pura-pura. Benar-benar kita melihatkan iaitu negeri ini tidak dicerobohi maka kita menolong Kerajaan kita.

Dengan sebab itu, saya harap benar-benar bukan sahaja Kerajaan tetapi pihak swasta betul-betul menolong Kerajaan di atas perkara ini. Di dalam perumahan ini, saya maksudkan dalam bandar ini sahaja ada 300,000 orang, baik dia orang Cina, orang India, orang Melayu di rumah-rumah setingan.

Bukan kalau saya katakan Kerajaan tidak dirikan rumah itu, saya salah. Tetapi rumah yang dibuat oleh Kerajaan itu memuaskan atau tidak. Percentagenya tidak memuaskan. Baru-baru ini Menteri mengatakan dalam masa 50-100 tahun lagi barulah kita dapat membina rumah-rumah orang miskin ini. 100 tahun lagi? Dia sudah mati, bapa dan emaknya sudah mati bahkan cucunya pun sudah mati, barulah dapat rumah murah. Begitu? Di sini Menteri yang bertanggungjawab menjawab mengatakan tanah tidak ada. Peliklah kalau dijawab tanah tidak ada. Kalau Singapura kata tanah tidak ada, saya percaya laut ditimbusnya untuk mendapatkan tanah supaya didirikan flet-flet untuk orang miskin. Itu saya percaya. Tetapi kalau Kuala Lumpur tidak ada tanah, barangkali siapa pun tidak percaya. Bekas lombong bukan tidak ada, bekas lombong itu banyak tanah kosong, saya boleh tunjukkan yang beribu-ribu ekar kosong tetapi tidak buat apa-apa. Kalau tidak ada pula bekas lombong, tanah estet-estet di sekeliling Kuala Lumpur ini; bukan hendak dibuat rumah di atas tanah estet itu, nanti tentulah dijawab; saya tidak boleh buat, saya tidak boleh rampas. Tetapi Kerajaan berkuasa, jikalau kita mengambil tanah-tanah untuk orang perseorangan tidak boleh, tetapi untuk orang ramai (public purpose), Kerajaan boleh ambil tanah-tanah dalam bandar, di luar bandar pun boleh. Kerajaan mendirikan rumah-rumah untuk orang-orang miskin. Apa salahnya, dengan bayaran pampasan yang berpatutan.

Tanah-tanah yang belum ditukar syarat di Kuala Lumpur ini cukup banyak. Kalau ada pihak-pihak yang tidak tahu saya boleh tunjukkan—di Jalan Tun Ismail, Jalan Ipoh banyak betul, boleh saya tunjukkan dalam kawasan Kuala Lumpur. Kalau tidak didirikan sekarang, pada masa yang akan datang lagi melambung harga tanah. Kalau tidak macam mana kita hendak katakan bersiap sedia, jadi sekaranglah beli tanah.

Kalau tidak esok habis dibeli oleh private sector dan kita tidak akan merasa lagi. Dato' Bandar pun tidak akan dapat membeli lagi. Dengan sebab itu pada hari ini Kerajaan-kerajaan Tempatan mestilah membeli tanah-tanah serupa ini di kawasan Kuala Lumpur dengan seberapa segera yang boleh untuk rancangan perumahan orang-orang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang berhajat hari ini hendak bercakap panjang sedikit. Kerajaan mengatakan jangan buang-buang duit, inflasi dan sebagainya. Banyak orang sokong, tetapi tidak ada Kementerian-kementerian yang membazirkan wang Kerajaan ini cakap yang sebenarnya terjadi. Kita tengok Pelabuhan Kuantan, beratus million ringgit dibelanjakan. Pakar luar negeri diambil sebab pakar Malaysia dianggap tidak pandai.

Sebelum Perang Dunia Kedua dahulu memang pakar-pakar yang pandai tidak ada, sekarang ini banyak pakar-pakar, manusia sudah pergi ke bulan, pergi ke lautan dan sebagainya. Tetapi kita ambil pakar daripada Belanda untuk membina Pelabuhan Kuantan. Belanjanya yang saya tahu dekat \$300 million. Bila saya bertanya dalam Dewan ini dahulu bagaimana jadinya Pelabuhan Kuantan? Maka dijawab oleh Timbalan Menteri Pelabuhan Kuantan retak sedikit sahaja. Bukan Pelabuhan Kuantan sahaja yang retak sedikit, semua pelabuhan retak-retak! Jadi macam mana hendak menyalahkan Kuantan, semua pelabuhan sudah retak? Saya masih ingat jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada saya. Sekarang saya dengar sudah retak langsung. Akibatnya banyaklah pakar-pakar perunding, engineer termasuk pihak PWD berunding memecahkan otak masing-masing bagaimana caranya hendak mengatasi supaya pelabuhan ini jangan retak dan boleh digunakan. Ini disebabkan sudah dibelanja \$300 juta. Pakarnya pula bukan daripada Malaysia, kalau pakar Malaysia kita katakan ini orang Melayu, orang China atau orang India tidak berapa baik, belum pandai sangat. Tetapi pakar yang diambil ialah daripada Perancis atau Holland dan kontraktornya pula daripada Perancis, bukan kontraktor yang datang dari sini tidak.

Kalau salah, tentulah disalahkan pakar perunding tetapi pakar perunding pula mengatakan kontraktor buat begini, kerana tidak didengar cakap pakar perunding, kontraktorlah salah. Bukan begitu, Tuan Yang di-Pertua?

Pakar perunding ini dibayar berjuta-juta ringgit, bukan dilantik pakar perunding begitu sahaja, mesti ada wang. Ini pakar daripada Belanda yang diambil dan Kerajaan mengatakan mesti buat itu dan ini, kalau pelabuhan kita runtuh nanti, kita bertanggungjawab. Kita ambillah pakar daripada Belanda, bukan begitu? Tetapi sekarang dia salah, atau siapa yang salah. Kalau dia salah, kita kenakan denda, jangan Kerajaan ditambah-tambah lagi, dia mesti bayar, sebab dia salah. Kemudian kita dakwa di World Court, sebab ada perjanjian. Saya pun bukan lawyer, panggilan lawyer yang ada di sini. Kalau orang kita di sini kita bicarakan, kalau orang luar, tidak bolehkah dibicarakan sekiranya dia salah, kerana tidak mengikut perjanjian? Apa yang terjadi, orang kita sahaja yang dibicara, orang lain tidak. Ini tidak patut. Ini harus diambil tindakan kalau didapati betul-betul dia salah. Kalau misalnya pelabuhan itu retak oleh kerana lumpur menekan dan akibat tekanan sebagai satu sebab, ini bukan salah kita. Kerajaan Malaysia khususnya Kementerian ini tidak bertanggungjawab lagi, sebab sudah ada pakar. Pakar tentu tahu, kalau lumpur itu menyebabkan piling patah dan tidak tahan, tentulah lumpur itu disalurkan ke tempat lain, bukan sahaja pakar itu tahu ke mana lumpur itu pergi supaya lumpur itu tidak memberatkan pelabuhan, salurkan ke laut lepas ataupun dibuat satu bund yang sangat kuat, di depannya supaya boleh tahan sekuat-kuatnya, tentu ada begitu, atau piling yang betul-betul kuat, bukan minimum tetapi dengan kekuatan yang maksimum.

Jadi ini satu daripada perbelanjaan besar yang dibuang-buangkan begitu sahaja, yang kita hendak beri kepada foreign contractors. Sekarang kita dengar sama ada betul atau tidak saya tidak tahu, kita terpaksa menambah tiga, empat ratus million ringgit lagi. Saya bukanlah hendak bercakap kerana lidah senang bercakap tetapi ini ialah untuk menjaga harta negeri bersama-sama menengokkan dan memberi teguran kerana perkara ini adalah perkara bersama, maka sebab itulah saya keluarkan perkara ini, bukan sahaja Pelabuhan di Kuantan itu hendak diselidik

tetapi semua pelabuhan-pelabuhan yang lain juga mesti diselidik supaya kita tidak membazirkan wang.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ialah pegawai-pegawai Kerajaan. Berkenaan dengan pegawai-pegawai Kerajaan, saya tahu lah misalnya gajinya mesti dinaikkan. Itu tak mengapalah sebab kita berkehendakkan pegawai-pegawai kita itu supaya jangan tak makan, kita berkehendakkan mereka senang sedikit supaya jangan ada korupsi berlaku di kalangan kakitangan Kerajaan, oleh kerana kalau anak-anaknya menangis tak makan, rumahnya tidak ada terjadi korupsi susahlah, Kerajaan pun akan jahanam dan semua sekali jahanam. Oleh sebab itu Kerajaan mestilah memberi layanan yang baik. Pegawai-pegawai Kerajaan juga kita mesti tengok supaya bekerja dengan betul-betul jujur dan ikhlas dengan tidak membuang masa. Cuba kita tengok masa dibuang di kedai-kedai kopi, di kantin. Betullah ada waktu minumannya iaitu pukul 10.00/11.00 tetapi ada setengah-setengah pegawai bukan pukul 10.00, bukan pukul 11.00 ada dalam kedai kopi, buat apa di situ? Apa yang dikatakan tadi hendak ditambahkan lebih banyak lagi pegawai-pegawai. Kita tidak berkehendakkan pegawai-pegawai itu ditambah tetapi kerjanya membazir sahaja. Pegawai-pegawai itu juga kita mesti tengok. Kita sebagai Ahli-ahli Dewan Negara dan kebanyakan daripada kita sudah tua-tua macam saya ini, kita mengingatkan kepada pegawai-pegawai yang bekerja di Kementerian, katalah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, kita mestilah berfikir apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah tadi hendak memanggil pelabur asing ke dalam negeri ini, hendak memanggil orang melabur ke dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai ini mestilah berlemah lembut, menunjukkan tatatertib yang baik, memberi segala layanan-layanan yang bagus yakni tidak dengan kekasaran supaya menarik orang; betul sungguhpun ada diberi insentif tetapi layanan yang pertama sekali diberi itulah yang dilihat oleh orang-orang luar negeri. Ini ada pula, sikap ambil peduli tak peduli sahaja. Inilah yang membuatkan orang-orang luar negeri itu kata bagaimana pegawai-pegawai negeri ini, tidak bertanggungjawab, kita disuruh datang di sini, bila datang dibuat tak peduli. Ini bukan semua tetapi dalam seratus kalau ada

dua orang pun sudah merosakkan nama negara dan Kementerian yang berkenaan. Ini terjadi, Tuan Yang di-Pertua. Tak apa, buat tak ambil peduli, katanya kalau dia tidak melabur apa kita pedulikan. Kalau tidak, takkan tadi Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian ditanya oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat berapa kali sudah pergi keluar negeri. Berkali-kali pergi keluar negeri ke Perancis, United States, England, Germany, Italy, Jepun, Hongkong menyeru mereka supaya melabur dan saya dengar banyak orang hendak melabur ke dalam negeri ini. Oleh kerana ramai orang yang hendak melabur maka pegawai-pegawai kita terpaksa bertanggungjawab dalam hal ini.

Begitu juga di pejabat-pejabat yang lain terutama sekali pejabat-pejabat di luar-bandar seperti Pegawai Daerah. Pegawai-pegawai Daerah ini bukan macam Pegawai Daerah masa Inggeris dahulu, Pegawai Daerah itu menjadi tuan besar, rumahnya ada bendera, dia mewakili Sultan. Tetapi pada hari ini adalah Kerajaan rakyat, Pegawai-pegawai Daerah yang bertanggungjawab, kalau hendak dikatakan hamba tidaklah tetapi adalah terpaksa bekerja dengan rakyat. Permohonan-permohonan rakyat bertahun-tahun tidak selesai. Kalau kita bertanya Menteri, Menteri mesti mempertahankan pegawainya. Bila ditanya, jawabnya fail hilang, rakyat berjumpa dengan Wakil Rakyat, Wakil Rakyat pun tidak tahu apa hendak buat. Semasa pilihanraya kita kata itu, kata ini, sokonglah, kita Rakyat di kampung berkata mana aku punya fail, sudah minta bertahun-tahun tidak dapat, beginikah bertahun-tahun tidak dapat, beginikah keadaannya? Pegawai-pegawai ini juga atau pihak-pihak yang bertanggungjawab baik pun di dalam Civil Service atau tidak mestilah betul-betul bertanggungjawab. Saya bercakap oleh kerana kita sama-sama dalam sebuah negeri yang kita berkehendakkan pegawai-pegawai kita betul-betul jujur menjalankan pentadbiran Kerajaan.

Semalam saya telah bertanya berkenaan dengan conversion. Menjalankan tukar syarat tanah (conversion) memakan masa sampai dua, tiga tahun baharu selesai. Seperti saya katakan tadi orang-orang yang membuat rumah (developer), membeli sekeping tanah katalah dengan harga \$40,000 seekar tetapi \$40,000 itu dia ambil duit bank; bukan satu

ekar, satu-satu develop sampai 100 ekar. Ambil duit bank \$40,000 kali 100 ekar sudah \$4 juta dan \$4 juta ini dua tahun hendak dibayar bunga, berapa bunganya, Tuan Yang di-Pertua? Katalah $8\% = 8 \times 4.32 = \$32,000$ sebulan, kalau tiga tahun berapa? Ini semua hendak dikira dimasukkan dalam kos. Macam mana kita mengatakan harga rumah itu hendak murah sebab mereka mesti masukkan ini semua. Jadi, oleh kerana pegawai yang tidak bertanggungjawab ataupun sistem Kerajaan Negeri kita tidak betul ataupun tidak ada pemikiran begini.

Kalau kumpulkan failnya dihantar di satu tempat—DID sekali bermesyuarat. Ini komen yang dikatakan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak red tape hendaklah kurangkan, tak usah berjela-jela lagi kerana negeri kita hendak membangun, potongan habis-habis red tape ini. Panggil semua pegawai-pegawai katakan ini ada satu fail. Misalnya ada satu tempat adakah apa-apa tentangan (objection)? Senang sahaja. Kalau satu fail pergi ke satu tempat itu; dimasukkan melalui pos memakan masa tiga hari, kemudian di situ didiamkan berbulan-bulan daripada situ pula hendak balik ke Sekretariat kemudian dihantar ke Pejabat Pertanian, berbalik semula, kemudian komen lagi.

Lepas itu pergi ke Pejabat Tanah dan Galian, berbulan dan bertahun kemudian balik ke Pejabat Perancang Bandar, ke Pejabat Perhutanan kemudian baharu ke PWD. Itu memakan masa pula,

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini bukan apa, hendak tunjukkan bagaimana gayanya dan bagaimana untuk membaikinya. Ini boleh diperbaiki, bukan tak boleh diperbaiki untuk mengurangkan kos lagi. Ini kena kepada semua, kepada rakyat, kepada siapa juga, kepada Kerajaan pun sama. Orang ini nanti kata apa Kerajaan begini lambat, bertahun-tahun, ini kena kepada Kerajaan. Nanti developer yang pinjam duit dia terpaksa mengatakan harga rumah melambung tinggi. Jadi ada kait-mengait yang saya katakan tadi naiknya harga simen oleh kerana ini, ini juga kerana pegawai yang melambatkan inflasinya boleh naik juga.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu berkenaan dengan transport, transport berkurangan pada hari ini. Cuba kita tengok, sudahlah kurang tak apa, naik pula harganya oleh kerana disel naik harga. Harga disel dua kali naik. Tidak usah kata Menteri;

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kali ini kita mesti samakan harga orang-orang yang membeli perse-orangan dengan harga orang yang minta minyak untuk kilang-kilang mesti kita samakan sebab apabila sama harganya tidak ada black market lagi. Cuba kita semak—naik harga. Apabila naik lagi begitu juga, kemudian tidak ada minyak baiklah. Barangkali kompeni minyak mengatakan ini tidak cukup, dia hendak lagi, begitu-begini, berundinglah dengan firma minyak naikan lagi sekali. Naik lagi sekali tak ada juga minyak sampaikan PETRONAS masuk, letakkan tank-tank PETRONAS di Johor untuk mengurangkan supaya kompeni minyak yang besar-besar seperti Shell dan lain-lainnya tidak dapat mencengkam. Dengan sebab itu Kerajaan mengatakan baik PETRONAS jual minyak disel ini di tempat-tempat yang mustahak. Tujuannya untuk mengurangkan kekurangan, tetapi tidak dapat. Berbaris panjang-panjang lori dan kereta. Saya tengok di Johor berbaris panjang. Ini bukan cerita lama, ini perkara benar.

Kalau kita tengok di petrol pump, Kementerian repot kepada Menteri kata tak ada sebab tidak memakai minyak disel tetapi bagi orang yang memakai minyak disel cuba tengok di Petaling Jaya, di Kuala Lumpur, dia kata tidak ada minyak, ditulis di situ—“minyak habis”, di mana-mana sahaja tiap-tiap negeri, jadi terpaksa membeli secara black market. Macam mana cara membeli black market, Tuan Yang di-Pertua? Kementerian kata mesti letak harga \$1.20 segelen dan orang-orang yang membeli mesti membawa Kad Pengenalan. Ini untuk menyusahkan sedikit sahaja kepada pembeli tetapi menyenangkan pula kepada orang yang menjual. Sekiranya tidak ada minyak disel kilang tidak boleh berjalan, lombong kita tak berjalan, jadi perlu sangat minyak disel ini didapati secara senang. Pada masa sekarang kalau hendak minyak disel boleh beli \$1.60 segelen tetapi yang 40 sen untung black market itu tidak diberi receipt di atas pembelian barang-barang yang lain sungguhpun barang-barang itu tidak ada wujud sekali-kali. Adakah Kementerian tahu di atas perkara ini? Kementerian suruh Raja Nong Chik repot, kalau begitu kita bercakap disuruh buat repot, tiap-tiap Wakil Rakyat/Senator cakap begitu pergi repot dan laporkan. Kalau begitu kerjanya bayarlah gaji kepada saya extra daripada ini bolehlah.

Itulah jawapan Menteri tetapi perkara ini mesti pula Kementerian cari betul atau tidak perkara-perkara yang diabaikan oleh tiap wakil, tetapi kalau orang itu beritahu tidak dapat langsung minyak kilangnya akan tutup, lombongnya akan tutup, yang mana dihendaki? Macam mana Kerajaan kontrol, macam mana Kerajaan hendak buat. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah perkara yang benar, jadi terpaksalah Kerajaan cari jalan dan mengatasi perkara ini.

Oleh kerana harga transport sudah dinaikkan, terpaksa naik lagi, hari akan datang terpaksa dinaikkan lagi. Apabila harga transport terus naik, harga barang tentulah mengikut harga transport naik, mesti naik. Ini adalah theory iktisas yang serendah-rendah semua orang tahu, tidak payah lagi cerita panjang-panjang. Ini juga kita hendak menjaga inflasi seperti apa yang dikatakan oleh Menteri Kewangan tetapi ini terpaksa kita tentukan bagaimana hendak menjaga supaya jangan inflasi berkembang.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertahanan. Perkara pertahanan adalah perkara penting. Kita tidak hendak mengatakan sungguhpun kita berazam hendak keamanan, kebebasan, dan kemakmuran. Kita tidak hendak apa-apa, kita hendak bebas, kita hendak sentosa dan sebagainya dalam negeri kita dan juga dalam negara ASEAN tetapi perkara inilah yang disebut-sebutkan oleh semua negeri di dalam dunia hendak kebebasan, hendak kemajuan, hendak neutrality. Kita tidak hendak berperang dengan sesiapa pun, kita hendakkan negeri kita aman. Semua orang bercakap begitu. Itu sebab pada zaman dahulu, Tuan Yang di-Pertua, kalau satu orang itu menjadi hulubalang dia mesti pandai betul bersilat, dia belajar bersilat bagaimana mempertahankan diri, bukan hendak menghentam orang—tidak, tetapi mempertahankan diri. Untuk keamanan dirinya dia terpaksa belajar silat, begitu juga negeri kita, oleh kerana kita bukan hendak berperang. Masa dahulu bila kita menyatakan negeri kita hendak membeli senjata banyak-banyak jawabnya negeri kita kecil. Kalau negeri Komunis China hendak menghentam kita habis kita begitu sahaja. Kalau begitu baiklah kita serahkan sahaja, bagi kepada Komunis China atau Komunis Russia menjajah balik negeri kita. Tujuan kita mempertahankan berhabis-habisan sementara pertolongan datang kepada kita.

Dengan sebab itu, pada hari ini di dalam ASEAN ini, terutama Malaysia mestilah mempertahankan negara kita berhabis-habisan bersiap diri untuk pertahanan yang seimbang dengan kita. Oleh kerana hasil-hasil kita ialah getah, semua orang nampak, mata Russia besar memandang negeri kita hendakkan getah kita. Komunis China lagi dekat dengan negeri kita, itupun pandang seorang sahaja: mereka ini hendak timah kita kalau dapat mereka bergaya. Tujuan mereka untuk negara kita menjadi satu-satu negara di dalam pengaruh mereka.

Sebab, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita di negeri ASEAN ini sungguhpun Menteri-menteri Luar telah beberapa kali bermesyuarat, kita berunding dengan Russia, kita berunding dengan China Komunis, kita katakan kita tidak mahu berperang dengan orang dan sebagainya, tetapi Komunis China dan Komunis Russia sedang berebut-rebut di kawasan kita ini, bagaimana cerita harimau, oh! harimau jangan makan aku. Air liur harimau menjejeh, katanya aku tak makan engkau. Belum masanya dia hendak makan, jadi air liurnya sahaja menjejeh-jejeh berkehendakkan kita sebab negara kita cukup kaya. Jadi kita nampak konflik ini oleh kerana vacuum, kekosongan kuasa besar di dalam South East Asia termasuk Vietnam, Kampuchea, Laos, Thailand, Malaysia dan Indonesia. Ada power vacuum. Siapa hendak mengambil? Ingeris sudah lari, Amerika sudah lari, Perancis sudah lari, Belanda sudah lari, tentulah kuasa lain yang hendak masuk sekurang-kurangnya hendak mencengkam kita. Dengan sebab itu kita pandang apa kejadian, apa konflik di Kampuchea. Saya bercakap begini sebab ada kait-mengait dengan negeri kita ini, sebab itu saya bercakap, bukan saya hendak bercakap berkenaan dengan Vietnam atau Laos, tetapi ini ada kait-mengait dengan ASEAN dan negara kita, sebab itu saya bercakap hal ini.

Kita tengok Vietnam, bukan Vietnam yang melanggar Kampuchea yang sebenarnya, tetapi disuruh oleh Russia melanggar, ambil Kampuchea, ambil Laos, ambil Thailand, kemudian Malaysia dan Indonesia. Ini jangka

panjangnya mengikut Domino Teori, kalau sudah jatuh satu-satu, itu yang dahulunya Samad Ismail, Abdullah Ahmad, Abdullah Majid ini percayakan teori ini dan mereka telah terperangkap dengan komunis ini iaitu pada tahun 1980 mereka sudah jangka iaitu negeri Malaysia ini akan diperintah oleh komunis. Mereka sudah tersilap banyak.

Kita tengok konflik di Kampuchea; bukan orang Kampuchea dengan orang Kampuchea yang berlaga. Kalau kita tengok benar-benar secara pandangan politik bukannya orang Kampuchea dengan Kampuchea atau Heng Samrin dengan Pol Pot. Bukannya pula daripada Vietnam, tidak. Ini memang dihantar dan disuruh oleh Russia dan bukannya Pol Pot disokong oleh China Komunis—mungkin tidak, tetapi Pol Pot memang disokong oleh China Komunis. Jadi sekarang Pol Pot, Samrin kedua-duanya itu disokong oleh Komunis Russia, Komunis China dan Komunis China takut dengan Russia ini, China Komunis masuki Vietnam dan sepuluh hari berperang, tidak sampai dua jengkal China boleh masuk ke negeri itu tetapi tidak dapat masuk oleh kerana takut dengan Russia. Dengan sebab itu China Komunis berkawan dengan Amerika, ada balance of power di sana. Negeri kita selamat sedikit oleh kerana ada balance of power di antara Amerika, China Komunis dan Russia. Oleh kerana adanya balance itu, jadi terselamat sedikit Thailand dengan Malaysia termasuk juga Indonesia. Hari ini kita terpaksa sedar dan kita terpaksa bersiap sedia kerana belum terlambat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini apa yang dikatakan oleh Menteri Pertahanan Indonesia, kalau Malaysia dilanggar oleh sesiapa juga pun sama ada Komunis Russia atau Komunis China, Indonesia akan masuk campur dalam peperangan itu. Ini telah dikatakan oleh Menteri Pertahanan Indonesia dan ini maknanya Kerajaan Indonesia.

Begitu juga kalau Thailand pula dilanggar oleh sesiapa juga di dalam ASEAN ini maka Malaysia juga mesti menolong Thailand. Linknya ada. Jatuh Thailand, jatuh Malaysia.

Jikalau dahulu kita tanya di dalam Dewan Rakyat atau Dewan Negara, kita tanya iaitu apa sebabnya ada pact lima negara iaitu Singapura, Malaysia, New Zealand, Britain dan Australia. Kita katakan ada defence arrangement dibuat bukan pact. Kita katakan defence arrangement dibuat di antara lima negeri itu. Saya syorkan di sini untuk keselamatan negara kita—bukan untuk hendak berperang dengan Red China, itu jauh sekali, untuk berperang dengan Russia—tidak, tetapi untuk keselamatan negeri kita ini. Dengan adanya 300 juta manusia ini satu power yang besar iaitu defence arrangement mesti dibuat. Kita tidak boleh menyorok-nyorokkan lagi mengatakan oh, ini neutrality, itu ini, di antara Indonesia dengan Malaysia sahaja, tetapi kita terpaksa berterus terang sekarang. Kalau Thailand dilanggar oleh musuh, Malaysia juga akan masuk campur, kalau tidak terlambat kita nanti. Ini kajian kita, kita tengok macam mana keadaan-keadaan apabila esok senyap di Kampuchea, Thailand akan susah. Dengan sebab itu pertahanan kita pada hari ini iaitu kita tidak boleh mengatakan kepada Thailand untuk bersiap banyak senjata—tidak, tetapi kepada saya sebagai warganegara dan sebagai Ahli Dewan Negara, saya meminta kepada Kerajaan supaya dibesarkan lagi tentera kita supaya kita juga mempunyai senjata-senjata yang cukup moden dan kita terpaksa menjaga tanahair kita yang ada, iaitu di antara dua di Timur dan di Barat Malaysia. Ini ada laut yang luas, maka pertahanan kita seperti Tentera Laut, Tentera Darat dan juga Tentera Udara mesti diperbesarkan dengan tidak lengah-lengah lagi dengan dipersenjatakan mereka dengan senjata yang cukup moden kerana musuh kita pada hari ini, cuma oleh kerana ditakdirkan Tuhan berlaga antara mereka sama mereka, kalau tidak mereka berlaga dengan mereka maka negeri kita ini tidak selamat lagi.

Selain daripada pertahanan, Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak masuk di sini berkenaan dengan rakyat kita di negeri ini yang benar-benar taat setia kepada negeri ini yang bukan sahaja taat setia, baikpun siapa yang menjadi warganegara jangan kita

mengikut telatah yang lalu. Apa telatah yang lalu kita fikirkan apa jadi negeri ini tidak menjadi apa hal asalkan apa yang saya kata tadi kita tolong komunis tidak menjadi apa hal. Ini yang telah terjadi dan orang-orang ini mesti tengok sekarang, ini adalah propaganda yang dikatakan sama ada orang Melayu, orang China atau orang India. Ini bukan propaganda, orang-orang Vietnam ini mendarat dan kadang-kadang kita terpaksa halau mereka ke laut, kebocoran tongkangnya, kebocoran motorbotnya, kebocoran kapalnya langsung tenggelam, beratus-ratus, beribu-ribu yang tenggelam di laut. Ini perkara yang benar berlaku. Dengan sebab itu saya cakapkan. Kita boleh tengok sendiri bagaimana keadaan mereka dan sebagai warganegara yang taatsetia di negeri ini, kita tidak boleh lagi mengikut telatah kita yang lalu.

Kalau besok bala itu datang ke mari, orang itu terpaksa lari keluar dan kita mungkin terpaksa lari bersama-sama juga. ini saya petik daripada *The People's Daily*. Minta izin saya membacakan dalam bahasa Inggeris apa yang dikatakan dalam *The People's Daily*, dengan izin: "We must neither be fettered by the failures we suffered nor by the lessons we learned in the past. We must not follow instructions from the above or teachings in the books blindly." Ini dia pengakuan, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang telah dahulu menjadi komunis dan mengikut buku Mao Tse Tung dengan buta tuli, tidak berfikir lagi ikut sahaja. Ini dia sudah insaf, dia kata sendiri dalam *People's Daily* itu, dia kata begitu. Jadi dengan sebab itu di negeri kita ini juga di mana ada komunis-komunis dalam negara kita ini yang menolong gerakan komunis tadi, yang kita tahu pada hari ini ada komunis di negara kita, tak usah tengok jauh, tak berapa batu, barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat tak tahu, barangkali kita tak diberi tahu, di Ulu Selangor sahaja, di hutan Ulu Selangor sekarang tak boleh masuk ke sana, kawasan hutan dibekukan di sana oleh kerana ada komunis di sana. Tak jauh daripada Kuala Lumpur.

Kalau orang kita menolong komunis, bermakna kalau komunis masuk ke negeri kita, apa akan jadi? Sama ada komunis dalam hutan ataupun komunis dalam parti kita sendiri, kerana kita menentang komunis ini bukan sahaja komunis dalam hutan, malahan komunis di dalam parti kita sendiri, dalam MCA, dalam UMNO, dalam MIC, ini yang kita tentang, ini yang kita keluarkan. Ini yang saya cakapkan yang kita menentang komunis ini apa caranya pun, apa rupanya pun kita tentang sama ada rupanya buruk, cantik atau elok, apa bentuk pun kita tentang. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini menentang fahaman komunis. Mereka bukan jadi komunis dalam hutan, tetapi dia orang biasa, tetapi dia orang terpelajar. Kita tahu apa dia kata.

Tuan Yang di-Pertua, dalam majalah *Exploration* mengatakan: "Criticism of Chinese Communism", dengan izin: "With religion I can believe or not believe"—Kalau dengan ugama saya boleh percaya di dalam Islam saya boleh percaya, orang lain boleh tak percaya tak mengapa, tak ada orang hendak potong kepala. Seterusnya majalah itu berkata: "But with communism in China, I have no choice but to believe," Komunis di China orang terpaksa percaya. Apa kata dia percaya sahajalah, jangan soal jawab. Kalau bersoal jawab, akan dihantar ke satu tempat dan mati. Apa dia kata lagi: "If I don't, I am regarded dissident and will be seized and even be killed." Kalau dijawab, kalau criticise, kita akan bukan sahaja diancam tetapi kadang-kadang kita dibunuh. Apa lagi dia kata, Tuan Yang di-Pertua? "We have no faith because Marxism and Communism in China have brought them no benefit." "Then" itu maknanya orang-orang yang teraniaya. Dia kata Marxism dan Communism tak ada memberi faedah kepada mereka. Itu saya sendiri pergi ke negeri China, barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat ada pergi ke negeri China atau Russia. Kita tengok bagaimana keadaannya. Saya bercakap ini oleh kerana negeri ini hendak diambil oleh komunis masa dahulu dan sekarang pun ada kita bertentang dengan komunis, sebab itu saya bercakap. Bukan saya hendak memburukkan negeri China, ini sebagai memberi kiasan sahaja. Saya tengok bagaimana keadaan-keadaan yang banyak daripada keturunan Cina di Malaysia ini pergi ke negeri China.

Kita tahu daripada Tanah Besar negeri China hari ini banyak pula yang lari, yang berenang meninggalkan negeri China, ada yang dimakan oleh ikan yu, berapa banyak yang lari daripada Tanah Besar China, kerana pemerintahan komunis itu dan berapa banyak lagi akan lari.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap begini oleh kerana supaya jangan rakyat kita termakan dakyah komunis itu nanti dan saya tahu dakyah-dakyah komunis itu telah meresap ke dalam orang-orang kita sebagaimana yang kita dapati dua tahun yang lalu ada disiarkan dalam TV kerana janji-janji dia. Kita dengar sama-sama. Itu sebab saya cakapkan perkara ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perjuangan bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan. Kedudukan bumiputra dalam bidang perniagaan dan perusahaan, Tun Tan Siew Sin, beliau adalah seorang warganegara Malaysia yang jujur, yang betul-betul berdedikasi dan saya boleh puji dia seorang warganegara yang betul-betul jujur, dia mengatakan baru-baru ini di dalam *Straits Times*, dia kata pada tahun 1969, 13hb Mei, meletus rusuhan: satu daripada sebabnya ialah oleh kerana iktisad bumiputra itu langsung boleh dikatakan tak ada. Itu sebabnya antara lain, banyakkah sebab-sebab lain. Ini saya minta maaf, saya bukan hendak mengatakan apa-apa, orang Cina sungguh kuat bekerja, bertekun kerja, ini satu saya puji, saya pun belajar 3-4 tahun negeri China. Saya menengok bagaimana orang di negeri China bekerja. Jadi oleh kerana kuat tenaga dan dengan wang modal dia, dia lebih maju.

Jadi selepas merdeka, kira-kira 10 tahun selepas merdeka sampai tahun 1969 kita hendak kejar bagaimana? Dia lebih maju. Orang-orang Cina warganegara Malaysia lebih maju. Macam mana hendak dikejar oleh kaum bumiputra. Ini beliau katakan dalam *New Straits Times* dan beliau mengatakan yang benar.

Dengan sebab itulah pada hari ini kita mengikut Dasar Ekonomi Baru hendak meninggikan taraf hidup bumiputra, bukan untuk menindas kaum asing, hendak menekan kaum-kaum yang lain, tetapi untuk meninggikan taraf hidup bumiputra yang asalnya memiliki negeri ini tetapi dia pula menderita dan susah. Sebab-sebab susah, ia tak boleh ikut maju. Ini terpalaklah Kerajaan

mencari jalan, bukan sahaja dengan membuka bank-bank dengan tak ada kita awasi bank-bank kerana bank-bank itu boleh menyeleweng dan lain-lain. Sebab sejak daripada Peristiwa 13 Mei, sampai sekarang, Tuan Yang di-Pertua, sudah berapa lama masanya dan kita mesti kaji apa dia kemajuan bumiputra. Bukan tak ada kemajuan langsung, tetapi kita berkehendakkan lebih maju lagi, kita bukan berkehendakkan PERNAS sahaja maju, UDA maju, Bank Bumiputra maju, tetapi kita juga berkehendakkan orang Melayu maju. Saya kata orang Melayu tidak kuat bekerja, macam mana

kuat bekerja mencangkul sawah hasilnya begitu juga. Taruhlah baja dengan banyak hasilnya begitu juga. Kalau bekerja di Town Board begitu juga hasilnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Isnin, 11hb. Disember, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.